

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

FAKULTI KOMUNIKASI & PENGAJIAN MEDIA
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

RAJA PUTRI NADIAH BINTI RAJA AHMAD

PENULIS :

1. RAJA PUTRI NADIAH BINTI RAJA AHMAD
2. RAJA PUTRI NADIAH BINTI RAJA AHMAD
3. HAMIMDA BINTI AGIL
4. MUHAMMAD AZIM BIN ZAID
5. AZLINAWATI BINTI NGAINON
6. NURUL HANANI BINTI OMAR
7. ZALIFFAH BT ABDUL WAHAB

8. MOHAMED SHAMIL HIZAMIE BIN MOHAMED NORHISHAM
9. FADZILLAH AISHAH BINTI ISMAIL
10. SHAFINAS BIN SHAHIDIN
11. NOOR AFZAN BINTI ZAKARIA
12. MOHD SHAHNAWI BIN MUHMAD PIRUS
13. IMA LIANA BINTI ESA
14. NURUL ATIQAH BINTI MOHD AZLAN
15. ROHAYU RUWATI BINTI IBRAHIM
16. ROSNANI BINTI MOHAMED AHYAR
17. MOHD HAFIZ BIN BAHAROM
18. MARIANA BINTI MOHD YUSOF
19. PUTERI MURNI BT SALLEH HUDIN
20. ALIF BIN OTHMAN
21. MOHD NAZRI BIN IBRAHIM
22. AEYNEDA ZAIRYN BINTI ABDUL JALIL

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2024 memperlihatkan kepemimpinan mantap Prof. Madya Dr. Abd Rasid Abd Rahman selaku Dekan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (UiTMasscomm). Di bawah terajunya, fakulti terus mengorak langkah strategik berpaksikan visi universiti untuk memperkasa jaringan alumni, memperkukuh peranan komuniti, dan menyemai jiwa kesukarelawan. Justeru, Bidang Tumpuan (BT) Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) dijadikan fokus utama Laporan AKNC 2024, mencerminkan iltizam kepemimpinan terhadap kelestarian kecemerlangan fakulti.

Kepimpinan fakulti diterjemahkan melalui **SYNERGY @ UiTMasscomm** – *Strength, Yield, Network, Excellence, Resourcefulness, Growth* dan *Yearning* – yang menjadi kerangka strategik dalam merangka, menyelaras, dan memacu keberhasilan. Melalui bengkel perancangan strategik, setiap program dipastikan cakna terhadap Petunjuk Prestasi (PI) yang selaras dengan agenda universiti.

Pengurusan Tertinggi (PT) FKPM turut memacu program berimpak tinggi yang menghubungkan alumni, komuniti dan pelajar dengan sokongan dana, infrastruktur, dan sumber manusia. Penglibatan industri menjadi pemangkin utama, antaranya Samsung melalui *Samsung Galaxy Lab* serta BERNAMA dengan *BERNAMA Newsroom*. Kehadiran alumni tersohor seperti Datin Paduka Nur-ul Afida Kamaludin (BERNAMA) pula menyuntik inspirasi, meningkatkan reputasi, serta meneguhkan imej FKPM sebagai pusat kecemerlangan komunikasi massa yang relevan dan berdaya saing global.

Penganjuran **Communication and Media Festival (COMMED 2024)** serta aktiviti **Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM)** bagi kursus *Media Law, Regulation and Ethics (COM540)* memperlihatkan kesungguhan fakulti memperluas budaya kesukarelawan di pelbagai peringkat. Seiring itu, beberapa inisiatif berimpak tinggi diperkenalkan: **McMentor**, yang menghubungkan alumni dengan pelajar sebagai mentor dalam kerjaya, akademik dan sahsiah; **McSafer**, inisiatif kesedaran keselamatan, kesejahteraan sosial dan literasi media; serta **McCare**, jenama payung bagi semua program komuniti dan kesukarelawan yang menekankan tanggungjawab sosial.

Pemantauan prestasi turut dititikberatkan. Penyelaras PSTU UiTMasscomm memantau semua PI berkaitan alumni, komuniti dan kesukarelawan melalui laporan berkala dalam Mesyuarat Pengurusan. Pendekatan ini memastikan setiap ketua program bertanggungjawab, cakna, dan proaktif dalam mencapai sasaran, manakala cabaran dibincangkan secara konstruktif dengan penyelesaian dibawa kepada PT untuk tindakan susulan.

Keseluruhannya, kepemimpinan UiTMasscomm pada tahun 2024 menzahirkan integrasi mantap antara visi universiti, aspirasi fakulti, dan keterlibatan pemegang taruh. Berteraskan **SYNERGY @ UiTMasscomm: Menyatukan Alumni, Memperkasa Komuniti, Menyemai Jiwa Kesukarelawan**, UiTMasscomm melangkah yakin mengukir kecemerlangan berimpak tinggi di peringkat tempatan, nasional, dan global.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PT UiTMasscomm mengamalkan pendekatan kepimpinan progresif berteraskan motivasi intelektual yang mendorong penglibatan menyeluruh warga fakulti. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh BT JAKK, malah menyokong aspirasi universiti sebagai institusi terkemuka dunia.

Arah tuju fakulti disandarkan kepada empat rujukan utama: (1) Objektif 9 Pelan Strategik UiTM2025, (2) Pemetaan Strategik UiTM2025, (3) Teras Strategik 2: Kecemerlangan Global, dan (4) Strategi Kelima KPT: Memacu Kesejahteraan Komuniti. Arahan jelas Dekan memastikan fakulti menzahirkan kesemua rujukan ini melalui kolaborasi alumni dan komuniti demi manfaat bersama dan kelestarian masa depan.

Bagi melaksanakan agenda ini, FKPM mengguna pakai **Hybrid Approach** yang menggabungkan pendekatan *Top-down* dan *Bottom-up*.

Pendekatan Top-down: Petunjuk Prestasi (PI) yang ditetapkan Bahagian Transformasi Universiti (BTU) diagih secara sistematik kepada fakulti, program dan bahagian berdasarkan kompetensi dan sumber. Proses ini diputuskan melalui perbincangan Pengurusan Kanan dan diterjemah dalam *Strategic Action Plan (SAP)* FKPM sebagai dokumen panduan utama pelaksanaan tahun 2024.

Pendekatan Bottom-up: Semua cadangan program dan aktiviti daripada jabatan, bahagian atau kelab dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Pengurusan atau Tabung Mesyuarat TPPP untuk pertimbangan dan kelulusan rasmi. Mekanisme ini memastikan ketelusan, menggalakkan penyertaan menyeluruh serta menyelaraskan penggunaan sumber dengan berkesan, khususnya kewangan dan logistik.

Dalam melaksanakan program, FKPM menjenamakan inisiatif strategik di bawah tiga payung utama. **McMentor** menghubungkan alumni dengan pelajar sebagai mentor dalam kerjaya, akademik dan sahsiah; **McSafer** memfokus kepada kesedaran keselamatan, kesejahteraan sosial dan literasi media; manakala **McCare** menjadi jenama payung bagi semua aktiviti komuniti dan sukarelawan. Ketiga-tiga inisiatif ini berfungsi sebagai mekanisme operasional dalam menjelmakan komitmen fakulti terhadap alumni, komuniti dan kelestarian sosial.

Kepimpinan transformasional FKPM turut diperkukuh melalui kerjasama pintar dengan alumni, industri dan rakan komuniti. Penajaan *Samsung Galaxy Lab*, penubuhan *BERNAMA Newsroom* serta penyertaan alumni tersohor dalam pelbagai aktiviti memperlihatkan sinergi yang meningkatkan reputasi fakulti. Keseluruhan usaha ini dipacu oleh nilai **SYNERGY @ UiTMasscomm** – kerjasama padu antara warga fakulti, alumni dan komuniti.

Pemantauan keberhasilan dilaksanakan melalui laporan berkala dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti, membolehkan cabaran ditangani segera serta penambahbaikan berterusan dilaksanakan. Dengan pendekatan holistik berasaskan data, kolaborasi dan budaya sinergi, UiTMasscomm bukan sahaja memperkukuh keterlibatan alumni dan komuniti, malah terus unggul sebagai fakulti dinamik yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat di persada global.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_K01_KB02_20251_COMPILED BUKTI 1.2.1.pdf](#)
2. [F0029_K01_KB02_20252_COMPILED BUKTI 1.2.2.pdf](#)
3. [F0029_K01_KB02_20253_COMPILED BUKTI 1.2.3.pdf](#)
4. [F0029_K01_KB02_20254_COMPILED BUKTI 1.2.4.pdf](#)
5. [F0029_K01_KB02_20255_COMPILED BUKTI 1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PT UiTM Masscomm kekal fokus dalam mempergiat pencapaian OS BT JAKK melalui peluasan maklumat yang sistematik dan menyeluruh. Strategi ini memastikan setiap inisiatif dapat difahami, dilaksanakan, dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga fakulti serta pemegang taruh di dalam dan luar universiti.

Di peringkat dalaman, peluasan maklumat diperkasa melalui penurunan PI secara berstruktur kepada setiap program dan bahagian. Kaedah ini membolehkan pelaksanaan lebih terarah dengan semua unit memahami peranan serta sumbangan terhadap agenda fakulti. Penyelarasan diperkukuh melalui mesyuarat pengurusan fakulti, mesyuarat akademik, sesi bersama staf pentadbiran, perjumpaan pelajar baharu, sesi libat urus di kampus cawangan, serta dialog alumni (Lampiran 1.3.1). Mekanisme komunikasi dua hala ini meningkatkan ketelusan, memperkukuh kefahaman bersama dan membina rasa pemilikan kolektif dalam kalangan seluruh warga FKPM.

Di peringkat universiti, peluasan agenda fakulti diperteguh melalui sesi perbincangan strategik bersama Naib Canselor serta kepimpinan tertinggi UiTM. Hebahan rasmi menerusi Pejabat Komunikasi Strategik memastikan hala tuju fakulti sejajar dengan aspirasi universiti. Kesyukuran ini memperkukuh pemantauan terhadap projek JAKK dan menjamin impak signifikan kepada universiti dan masyarakat.

Selain itu, peluasan dalam agenda jaringan komuniti turut diperhebat melalui program antarabangsa. Pada tahun 2024, FKPM menerima pelajar inbound dari Auckland University of Technology (AUT), New Zealand, bagi program pengajian jangka pendek. Kehadiran mereka memperkukuh imej FKPM sebagai destinasi akademik pilihan, sambil meluaskan jaringan komuniti merentasi sempadan negara. Penglibatan aktif mereka dalam akademik, komuniti dan kesukarelawan menjadikan mereka duta FKPM dan UiTM di peringkat global (Lampiran 1.3.2).

Untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan, fakulti menjenamakan program utama mengikut kategori strategik. **McMentor** diperluas melalui siri bimbingan kerjaya dan pembangunan sahsiah pelajar dengan alumni. **McSafer** diketengahkan dalam bentuk seminar literasi media, keselamatan siber dan kesejahteraan sosial untuk komuniti. **McCare** pula dipacu melalui aktiviti sukarelawan dan program komuniti berskala besar seperti *Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM)*. Pendekatan berlapis ini menjadikan setiap inisiatif lebih mudah diakses, dihayati, dan diukur keberhasilannya.

Peluasan juga diperkukuh melalui strategi komunikasi digital. Media sosial rasmi fakulti dimanfaatkan secara konsisten untuk menyiarkan laporan kemajuan, artikel akhbar, pencapaian staf, serta kejayaan pelajar. Hebahan berterusan ini meningkatkan keterlihatan fakulti dalam komuniti akademik dan mengukuhkan jenama FKPM sebagai institusi dinamik yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat (Lampiran 1.3.3).

Secara keseluruhannya, peluasan maklumat FKPM dilaksanakan secara berstruktur, berlapis dan bersasar – bermula dari fakulti, diterjemah ke peringkat universiti (Lampiran 1.3.4), dan diperluas ke pentas antarabangsa. Kaedah ini memastikan semua pemegang taruh memahami agenda fakulti dengan jelas, menggalakkan penyertaan menyeluruh, serta menjamin kejayaan inisiatif strategik dapat dicapai secara mampan (Lampiran 1.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_K01_KB03_20251_COMPILED BUKTI 1.3.1.pdf](#)
2. [F0029_K01_KB03_20252_COMPILED BUKTI 1.3.2.pdf](#)
3. [F0029_K01_KB03_20253_COMPILED BUKTI 1.3.pdf](#)
4. [F0029_K01_KB03_20254_COMPILED BUKTI 1.3.4.pdf](#)

5. [F0029_K01_KB03_20255_COMBINED EVIDENCE 1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PT UiTMasscomm menekankan kepimpinan berasaskan pemantauan strategik yang menyeluruh bagi memastikan setiap inisiatif dalam bidang JKAA mencapai hasil yang optimum. Setiap maklum balas daripada pihak berkepentingan dijadikan kompas utama dalam proses semakan, bukan sahaja untuk menilai keberkesanan pelaksanaan, malah untuk mengenal pasti awal punca kelemahan yang boleh menjejaskan kejayaan projek (Lampiran 1.4.1a). Pendekatan ini sejajar dengan semangat **SYNERGY @ UiTMasscomm**, yang menekankan kesepaduan usaha bersama alumni, komuniti, dan warga fakulti (Lampiran 1.4.1b).

Bagi menjamin ketelusan, proses pemantauan dipandu oleh amalan terbaik Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM serta berpaksikan manual, polisi, dan garis panduan Tadbir Urus UiTM. Mekanisme pemantauan dilaksanakan secara berlapis melalui kaedah seperti kaji selidik, analisis data sistem UiTM, pelaporan berkala, serta maklum balas langsung daripada alumni, industri, pelajar, dan komuniti (Lampiran 1.4.1c). Antara instrumen utama termasuk Bengkel Perancangan Strategik FKPM serta Laporan Kajian Keberkesanan Graduan yang menyediakan data empirikal dan pandangan bernilai untuk menilai keberkesanan inisiatif (Lampiran 1.4.1d).

Selain itu, pemantauan turut diintegrasikan dengan jenama program fakulti. **McMentor** dipantau melalui laporan sesi bimbingan dan maklum balas mentee–mentor. **McSafer** dinilai berdasarkan tahap keberkesanan kempen literasi media, keselamatan digital dan kesejahteraan sosial melalui soal selidik serta laporan media. **McCare** pula dipantau melalui data penyertaan, rekod jam kesukarelawanan, serta impak projek komuniti. Data berasaskan bukti ini seterusnya dianalisis secara sistematik oleh pasukan PS UiTMasscomm sebelum dibentangkan kepada PT untuk tujuan semakan dan penambahbaikan berterusan.

Struktur kepimpinan turut diperkasa melalui lantikan koordinator dan penyelaras di bawah Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), Unit Kualiti, dan Unit Pengurusan Risiko (Lampiran 1.4.1e). Jawatankuasa projek khas merangkumi pakar dalam bidang alumni, komuniti, dan industri turut ditubuhkan untuk melaksanakan strategi, memacu inisiatif, serta melaporkan perkembangan secara berkala kepada PT.

Dengan sistem pemantauan yang teliti, berlapis, dan berpandukan tadbir urus yang mantap, FKPM memastikan setiap projek bukan sahaja disempurnakan dengan lancar dan berkualiti, tetapi juga memberi impak nyata kepada alumni, komuniti, dan industri. Inilah cerminan kepimpinan progresif FKPM yang menjadikan pemantauan sebagai tonggak kejayaan dalam merealisasikan aspirasi universiti di peringkat nasional dan global.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_K01_KB04_KC01_20251_LATEST COMPILED 1.4.1A.pdf](#)
2. [F0029_K01_KB04_KC01_20252_LATEST COMBINED 1.4.1B.pdf](#)
3. [F0029_K01_KB04_KC01_20253_LATEST COMBINED 1.4.1C.pdf](#)
4. [F0029_K01_KB04_KC01_20254_LATEST COMBINED 1.4.1D.pdf](#)
5. [F0029_K01_KB04_KC01_20255_LATEST COMBINED 1.4.1E.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PT UiTM Masscomm mengamalkan kepimpinan berasaskan tindakan strategik dalam mengenal pasti dan mengurus risiko setiap inisiatif berkaitan alumni, komuniti, dan kesukarelawan. Selaras dengan Dasar Pengurusan Risiko UiTM (Lampiran 1.4.2a), pendekatan ini memberi penekanan kepada langkah proaktif sejak fasa awal perancangan bagi memastikan potensi risiko dapat dikenal pasti, dianalisis, dan dikawal sebelum menjejaskan pencapaian projek.

Risiko utama yang diberi perhatian termasuk risiko reputasi, strategik, operasi, dan proses. Dengan kerjasama rapat bersama PSTU serta pihak bertanggungjawab, PT UiTM Masscomm menggunakan analisis sistematik dan klasifikasi risiko untuk menilai impak serta kebarangkalian (Lampiran 1.4.2c). Setiap projek dirangka dengan pelan mitigasi yang jelas, sekali gus mengurangkan kemungkinan kegagalan dan memperkukuh keberkesanan pelaksanaan.

Contohnya, dalam **McMentor**, risiko ketidakhadiran mentor atau kurang komitmen peserta ditangani melalui jadual pemantauan dan laporan berkala. **McSafer** pula berdepan risiko ketidaklibatan pelajar dalam program literasi media; isu ini ditangani dengan strategi komunikasi digital yang lebih interaktif. Bagi **McCare**, risiko kekangan sumber manusia atau kewangan diatasi melalui kerjasama NGO serta sokongan alumni sebagai sukarelawan tambahan.

Kepimpinan fakulti turut menekankan pemantauan berterusan melalui mesyuarat pengurusan, audit dalaman, serta analisis dokumen rasmi seperti Laporan Analisis Risiko dan Pelaporan Pencapaian PI (Lampiran 1.4.2b). Semakan ini membolehkan PT menilai risiko signifikan seperti kelewatan pencapaian sasaran atau ketidaktepatan data, lalu mengarahkan tindakan pembetulan segera.

Selain itu, mekanisme pelaporan risiko dibangunkan secara berstruktur. Koordinator, penyelaras, dan pengarah projek bertanggungjawab menyediakan laporan kemajuan berkala untuk dikemukakan kepada PSTU UiTM Masscomm sebelum dibawa ke peringkat PT (Lampiran 1.4.2d). Proses ini meningkatkan akauntabiliti dan memastikan keputusan strategik dibuat berdasarkan data sahih serta tepat waktu.

Dengan pendekatan bersepadu ini, kepimpinan UiTM Masscomm bukan sahaja mengurus risiko, malah mengubahnya menjadi peluang untuk memperkukuh sinergi bersama JKAA (Lampiran 1.4.2e). Kecekapan dalam bertindak terhadap risiko menjadikan UiTM Masscomm lebih berdaya tahan, berdaya saing, dan konsisten dalam mengangkat reputasi universiti di peringkat nasional serta global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_K01_KB04_KC02_20251_1.4.2A.pdf](#)
2. [F0029_K01_KB04_KC02_20252_1.4.2B.pdf](#)
3. [F0029_K01_KB04_KC02_20253_1.4.2C.pdf](#)
4. [F0029_K01_KB04_KC02_20254_1.4.2D.pdf](#)
5. [F0029_K01_KB04_KC02_20255_1.4.2E.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PT UiTM Masscomm menekankan kepimpinan berasaskan budaya **penambahbaikan berterusan (continuous improvement)** bagi memastikan setiap projek JKAA dilaksanakan secara berkesan dan mampan. Hasil pemantauan serta penilaian risiko dianalisis secara sistematik untuk mengenal pasti punca ketidakcekapan, menilai tahap keberhasilan, dan merangka strategi penambahbaikan yang lebih berfokus (Lampiran 1.4.3a). Pendekatan ini memastikan prestasi projek bukan sahaja dipulihkan, malah ditingkatkan selaras dengan aspirasi fakulti dan universiti.

Selepas setiap sesi semakan prestasi, langkah penambahbaikan dilaksanakan melalui pembentukan **Pelan Tindakan Strategik (SAP)** yang menjadi dokumen rujukan utama fakulti (Lampiran 1.4.3b). Pelan ini memastikan setiap intervensi terarah kepada matlamat fakulti, selaras dengan objektif strategik UiTM (Lampiran 1.4.3c), serta menepati keperluan pihak berkepentingan. Dalam konteks JAKK, pelan ini memberi ruang kepada inovasi kaedah pelaksanaan, sama ada dalam bentuk model kerjasama baharu dengan alumni, pendekatan digital dalam komuniti, atau strategi mobilisasi sukarelawan yang lebih efektif.

Untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan, PT turut memperkenalkan mekanisme tambahan seperti peringatan berkala penghantaran laporan, sesi maklum balas segera, serta pengiktirafan melalui poster penghargaan kepada penyumbang data (Lampiran 1.4.3d). Walaupun bersifat kecil, langkah ini menyemai budaya akauntabiliti, menggalakkan motivasi warga fakulti, dan menjamin ketepatan serta kebolehpercayaan data.

Dapatan daripada kajian semula dan tindakan penambahbaikan seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan, bengkel strategik, dan laporan berkala. Mekanisme ini memperkukuh semangat pemilikan kolektif, meningkatkan keterlibatan warga FKPM, serta mewujudkan kepimpinan inklusif yang terbuka kepada maklum balas (Lampiran 1.4.3e).

Dengan pendekatan berstruktur ini, FKPM bukan sahaja menjamin kejayaan projek semasa, malah membina asas yang lebih mantap untuk kelestarian projek alumni, komuniti, dan kesukarelawan pada masa hadapan, sekali gus mengangkat reputasi universiti di peringkat nasional dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_K01_KB04_KC03_20251_1.4.3A.pdf](#)
2. [F0029_K01_KB04_KC03_20252_1.4.3B.pdf](#)
3. [F0029_K01_KB04_KC03_20253_1.4.3c.pdf](#)
4. [F0029_K01_KB04_KC03_20254_1.4.3D.pdf](#)
5. [F0029_K01_KB04_KC03_20255_1.4.3e.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

PT UiTMasscomm terus menzahirkan kepimpinan strategik melalui **pembudayaan objektif dan inisiatif organisasi** yang berteraskan **SYNERGY @ UiTMasscomm: Menyatukan Alumni, Memperkasa Komuniti, Menyemai Jiwa Kesukarelawan**. Sepanjang tahun 2024, pelaksanaan BT JKAA digerakkan secara bersepadu, melibatkan kerjasama rentas unit, bahagian, dan program fakulti. Pendekatan ini meningkatkan kecekapan sumber manusia, memperkukuh keberkesanan perancangan strategik, serta memastikan penyampaian berimpak tinggi yang sejajar dengan Petunjuk Prestasi (PI) dan aspirasi UiTM (Lampiran 1.5a).

Integrasi kepakaran dan kolaborasi dalaman menjadi tonggak utama keberhasilan. Setiap projek BT dilaksanakan melalui sinergi pelbagai unit, mengoptimumkan kekuatan pensyarah, penyelidik, pelajar, serta staf pentadbiran. Usaha kolektif ini telah melahirkan pencapaian yang diiktiraf di peringkat universiti, kebangsaan, dan antarabangsa. Antara hasilnya termasuk penerimaan anugerah, penganjuran program komuniti berimpak tinggi, serta peningkatan pengiktirafan industri terhadap peranan UiTMasscomm sebagai pusat rujukan akademik dan jaringan profesional (Lampiran 1.5b).

Kepimpinan PT UiTMasscomm turut memberi inspirasi kepada warga fakulti untuk berinovasi, berkolaborasi, dan berbakti kepada masyarakat. Integrasi strategik membolehkan projek alumni, komuniti, dan kesukarelawan dilaksanakan secara lebih berfokus dan inklusif. Ini bukan sahaja memperkukuh budaya kerja kolektif, malah memastikan kesemua inisiatif sentiasa selari dengan visi, misi, dan objektif strategik UiTM (Lampiran 1.5c).

Selain itu, **integrasi kepimpinan inklusif** UiTMasscomm turut merentasi sempadan global. Kolaborasi strategik dengan agensi kerajaan, industri, dan rakan antarabangsa telah menghasilkan MoU baharu, memperkasa program mobiliti pelajar dan staf, serta membuka peluang kepada lawatan penanda aras. Usaha ini secara langsung mengangkat reputasi UiTMasscomm di pentas antarabangsa, di samping memperkukuh hubungan alumni global, memperluas jaringan kesukarelawan, serta memperkasakan komuniti rentas sempadan (Lampiran 1.5d).

Ekosistem integrasi yang dibudayakan ini membuktikan keberkesanan **SYNERGY @ UiTMasscomm** sebagai pemangkin utama. Dengan menyatukan alumni, memperkasa komuniti, dan menyemai jiwa kesukarelawan, UiTMasscomm berjaya melahirkan sinergi menyeluruh antara warga fakulti, industri, dan masyarakat. Kejayaan ini sekali gus memperlihatkan keteguhan kepimpinan Pengurusan Kanan dalam mengarusperdanakan budaya integrasi, seterusnya menyumbang kepada pencapaian **Pelan Strategik UiTM 2025** dan melonjakkan UiTMasscomm ke arah kecemerlangan bertaraf global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_K01_KB05_20251_1.5B.pdf](#)
2. [F0029_K01_KB05_20252_1.5B.pdf](#)
3. [F0029_K01_KB05_20253_compiled 1.5c.pdf](#)
4. [F0029_K01_KB05_20254_COMPILED BUKTI 1.5D.pdf](#)
5. [F0029_K01_KB05_20255_COMPILED 1.5E.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tema “SYNERGY@UiTMasscomm: Menyatukan Alumni, Memperkasa Komuniti, Menyemai Jiwa Sukarelawan” menjadi tunjang utama Perancangan Strategik FKPM 2024. Melalui inisiatif **McMentor** (jaringan alumni untuk mentorship, kolaborasi dan pembangunan kerjaya), **McSafer** (program advokasi dan literasi media untuk komuniti), **McCare** (aktiviti sukarelawan berimpak sosial), dan penyepaduan kesemua inisiatif di bawah JAKK, fakulti berjaya membina strategi yang menyeluruh.

Strategi ini diperkukuh melalui OS SYNERGY: *Strength* (kekuatan dalaman), *Yield* (hasil inisiatif), *Network* (jaringan strategik), *Excellence* (kecemerlangan), *Resourcefulness* (kecekapan sumber), *Growth* (pertumbuhan), *Yearning* (aspirasi berterusan). Pelaksanaan strategi diterjemahkan melalui aktiviti utama sepanjang 2024 termasuk pertemuan dengan Bahagian Komunikasi dan Diplomasi Awam, Kementerian Luar Negara - BKDA (18 Januari), Majlis Syarahan Sanjungan Budi (8 Mac), Majlis Perjumpaan Dekan (22 Mac), lawatan akademik ke Universitas Andalas (24 April), Universitas Pembangunan Nasional ‘Veteran’ Jakarta - UPNVJ (16 Mei), Universitas Islam Bandung - UNISBA (29 Mei), Tokyo Metropolitan Board of Education (24 September), Summer Camp AUT (28 Oktober), FKPM Communication and Media Festival - COMMED2024 (6–7 November), dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah FKPM (15 November).

Pencapaian PI menunjukkan impak jelas: GOT mencapai 91.6%, alumni yang menjadi usahawan meningkat kepada 155, 2 kolaborasi strategik baharu, 5 MOU/MOA antarabangsa berjaya dimeterai, penyertaan sukarelawan pelajar meningkat dua kali ganda, dan program komuniti McSafer berkembang pesat. Keseluruhannya, perancangan ini menyatukan alumni, memperkasa komuniti, dan menyemai jiwa sukarelawan dalam kalangan warga FKPM.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan strategik berlandaskan tema SYNERGY@UiTM Masscomm, yang menyatukan pelbagai elemen utama fakulti dalam rangka kerja OS SYNERGY. Inisiatif seperti McMentor, McSafer, McCare, dan penyelarasan melalui JAKK digerakkan secara menyeluruh dan berfasa mengikut prinsip:

- *Strength*: Memanfaatkan kekuatan dalaman fakulti termasuk jaringan alumni yang aktif, tenaga akademik berpengalaman, dan pelajar yang berbakat.
- *Yield*: Pencapaian jelas seperti peningkatan GOT 91.6%, penambahan alumni usahawan (155), dan pertumbuhan program komuniti McSafer. ([Rujuk lampiran bukti - Data Statistik GOT 2024](#))
- *Network*: Pemerksaan jaringan strategik melalui kerjasama dengan institusi dalam dan luar negara (contoh: UNISBA, UPNVJ, Tokyo Metropolitan Board of Education). ([Rujuk Lampiran Bukti - Perjanjian Pelaksanaan International Short Course FKPM x UPNVJ](#))
- *Excellence*: Pelaksanaan program unggul seperti Communication & Media Festival, Summer Camp AUT, dan Majlis Syarahan Sanjungan Budi yang menyerlahkan kecemerlangan akademik dan profesional. ([Rujuk Lampiran Bukti - Laporan Communication & Media Festival - COMMED2024](#))
- *Resourcefulness*: Kecekapan sumber dizahirkan melalui pelaksanaan program berkualiti tinggi dengan kos terancang serta penglibatan sumber manusia fakulti dan alumni.
- *Growth*: Perkembangan impak melalui peningkatan penyertaan pelajar dalam aktiviti sukarelawan dan kolaborasi antarabangsa yang membina kapasiti warga fakulti. ([Rujuk Lampiran bukti - Asian Rights Fair 2024 Forum](#))
- *Yearning*: Aspirasi tinggi warga FKPM untuk maju dibuktikan melalui penglibatan aktif dalam inisiatif strategik, pencapaian KPI yang memberangsangkan, dan komitmen terhadap nilai integriti (Majlis Ikrar Bebas Rasuah) - ([Rujuk lampiran bukti - Jemputan Program Ikrar Bebas Rasuah](#))

Keseluruhannya, pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh hubungan alumni–komuniti, tetapi juga memperluas kehadiran FKPM di peringkat global sambil menyemai nilai tanggungjawab sosial dan profesionalisme dalam kalangan warga fakulti.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_P01_PB02_20251_Statistik GOT \(Sesi 20242\)-min 2.pdf](#)
2. [F0029_P01_PB02_20252_UiTM x UPNVJ Short Course 2024.pdf](#)
3. [F0029_P01_PB02_20253_Laporan COMMED2024-min 2-min_removed.pdf](#)
4. [F0029_P01_PB02_20254_INVITATION ASIAN RIGHTS FAIR 2024.pdf](#)
5. [F0029_P01_PB02_20255_IBR_SEMUA STAF FKPM.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan dalam konteks bagaimana strategi yang digubal di peringkat tertinggi dilaksanakan secara menyeluruh dan konsisten di semua lapisan organisasi serta melibatkan semua kumpulan sasar supaya impak strategik lebih luas dan mampan.

Halatuju Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) sentiasa dikongsi secara berkala dan strategik kepada seluruh warga fakulti bagi memastikan setiap lapisan warga fakulti jelas dengan arah tuju, matlamat, serta peranan masing-masing dalam menjayakan visi dan misi institusi. Antara medium utama yang digunakan untuk penyampaian halatuju ini termasuklah Majlis Perjumpaan Dekan yang telah diadakan pada 22 Mac 2024. Dalam majlis ini, Dekan FKPM telah menyampaikan amanat serta membentangkan pelan strategik fakulti bagi tahun semasa, yang turut merangkumi fokus utama pembangunan pelajar, pengukuhan akademik, keterlibatan industri, dan pengantarabangsaan. ([Rujuk lampiran bukti - Slides Pembentangan Majlis Amanat Dekan Mac 2024](#))

Selain itu, penetapan dan penyelarasan halatuju fakulti turut dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan FKPM, yang menjadi platform utama dalam membuat keputusan strategik dan pemantauan pelaksanaan inisiatif fakulti. Bengkel perancangan tahunan, seperti Bengkel MC Fast Forward 2024, juga telah dianjurkan bagi membolehkan warga pengurusan dan akademik fakulti merangka pelan tindakan yang berfokus serta berpaksikan impak yang tinggi kepada warga pelajar dan masyarakat. ([Rujuk lampiran bukti - Bengkel MC Fast Forward 2024](#))

Dari sudut pelaksanaan strategik, beberapa inisiatif berimpak tinggi telah dirancang dan dilaksanakan, mencerminkan komitmen fakulti dalam memperkukuh hubungan dengan komuniti, memperkasakan pelajar dan staf, serta menyumbang kepada pembangunan sahsiah dan kesedaran sosial. Antaranya termasuk program McMentor, yang menghubungkan alumni dengan pelajar melalui sesi bimbingan kerjaya secara berstruktur dan berkala. Program McSafer pula memfokuskan kepada advokasi media serta keselamatan digital menerusi penglibatan aktif dengan komuniti luar, manakala McCare menjadi platform utama dalam menyelaraskan penglibatan staf dan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan dan kemasyarakatan.

Sepanjang tahun 2024, pelbagai program telah dirancang, antaranya ialah Perjumpaan BHEP Fakulti, Program Fresh to Refresh, Majlis Aidilfitri@MassComm yang telah diadakan pada 6 Mei, lawatan akademik ke Indonesia dan Jepun, serta program Summer Camp AUT pada 28 Oktober. Tidak ketinggalan, COMMED Festival yang dijadualkan berlangsung pada 6 hingga 7 November turut menjadi antara acara utama fakulti bagi mengetengahkan kreativiti dan bakat pelajar kepada umum. ([Rujuk Lampiran bukti - Minit Mesyuarat Kelulusan Permohonan Majlis Menandatangani MoU Dengan Auckland University of Technology \(AUT\)](#)) dan ([Poster Program Fresh to Refresh](#))

Bagi memastikan setiap inisiatif ini dilaksanakan secara berkesan, pemantauan dibuat secara sistematik oleh Jawatankuasa Audit Kualiti dan Kepatuhan (JAKK). Selain itu, prestasi program dan pencapaian fakulti dinilai menerusi laporan suku tahunan berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan, sekaligus menjamin keberkesanan pelaksanaan halatuju fakulti secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_P01_PB03_20251_Slide Pembentangan Amanat Dekan Mac 2024-min_2_removed_removed_removed.pdf](#)
2. [F0029_P01_PB03_20252_Bengkel MC Fast Forward 2024 Siri 2 Tue Feb 20 2024.pdf](#)
3. [F0029_P01_PB03_20253_AUT - PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK MENGADAKAN MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN \(MOU\).pdf](#)
4. [F0029_P01_PB03_20254_FRESH TO REFRESH.pdf](#)
5. [F0029_P01_PB03_20255_Laporan COMMED2024-min 2-min_removed.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dan penambahbaikan berterusan dilaksanakan melalui sesi post-mortem program, analisis data Petunjuk Impak (PI), serta kajian kepuasan peserta. Dapatan awal menunjukkan keperluan untuk memperkukuh promosi alumni, dan langkah proaktif telah diambil melalui pelaksanaan strategi digital. Selain itu, Bengkel HRMIS & MyPortfolio yang berlangsung pada 12 hingga 14 Jun telah menjadi platform penting bagi pelarasan dan penyeragaman portfolio staf. Amalan terbaik daripada pelaksanaan program antarabangsa dan penglibatan komuniti turut didokumentasikan sebagai rujukan untuk perancangan dan penambahbaikan program akan datang. ([Rujuk lampiran bukti - Sijil Pencapaian 100% Pengisian Deskripsi Tugas MyPortfolio @ HRMIS](#))

Sebagai sebahagian daripada usaha pembelajaran berterusan, organisasi melaksanakan **program upskilling dalaman** yang melibatkan pensyarah dari pelbagai bidang untuk saling berkongsi kemahiran, kepakaran dan pengetahuan. Melalui sesi perkongsian ini, pensyarah bukan sahaja meningkatkan kompetensi dalam bidang masing-masing, malah berpeluang mempelajari kemahiran baharu daripada rakan sejawat, termasuk pedagogi inovatif, penggunaan teknologi digital, kaedah penyelidikan terkini, serta pembangunan kemahiran insaniah. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh budaya kolaboratif, tetapi juga mewujudkan suasana pembelajaran dua hala yang menyokong peningkatan profesionalisme dan keberkesanan pelaksanaan strategi universiti.

Hasil pembelajaran dikongsi secara menyeluruh melalui pelbagai platform seperti **sesi townhall** diperingkat universiti, dikenali sebagai "**Amanat Naib Canselor**" manakala diperingkat fakulti dikenali, "**Amanat Dekan**" bagi memastikan ilmu, pengalaman dan amalan terbaik dapat dipindahkan serta dimanfaatkan oleh semua warga organisasi.

Amanat Naib Canselor dilaksanakan diperingkat universiti disampaikan secara berkala oleh pihak pengurusan utama iaitu Naib Canselor atau kepimpinan tertinggi untuk menggariskan pencapaian, aspirasi dan strategi universiti. Ia memastikan semua staf memahami hala tuju organisasi secara konsisten.

Amanat Dekan dilaksanakan di peringkat fakulti disampaikan oleh Dekan sebagai usaha menghubungkan perancangan strategik universiti dengan pelaksanaan di peringkat fakulti. Amanat ini berfungsi sebagai medium penyelarasan, perkongsian hasil penilaian, serta pemacu kepada inisiatif penambahbaikan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_P01_PB04_PC01_20251_MyPortfolio @ HRMIS.pdf](#)
2. [F0029_P01_PB04_PC01_20252_Bukti- 4.4.2.2 Hebahan Tabung Masscomm Care.docx-min.pdf](#)
3. [F0029_P01_PB04_PC01_20253_JEMPUTAN MENGHADIRI BENGKEL RESKILLING DAN UPSKILLING FKPM.pdf](#)
4. [F0029_P01_PB04_PC01_20254_Slide Pembentangan Amanat Dekan Mac 2024.pdf](#)
5. [F0029_P01_PB04_PC01_20255_UiTM IR - Amanat Naib Canselor UiTM 2024.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Beberapa risiko telah dikenal pasti sepanjang pelaksanaan (Perancangan Inovatif) [(PI)] yang berteraskan tema (SYNERGY@UiTMasscomm). Risiko-risiko ini memberi kesan kepada pencapaian sasaran PI jika tidak ditangani secara menyeluruh dan terancang.

Salah satu isu utama ialah apabila **laporan program Jaringan Alumni dan Komuniti tidak diterima sebagai pencapaian PI**. Situasi ini berlaku apabila projek komuniti tidak didaftarkan dalam sistem (PRIME), biasanya disebabkan pensyarah atau pengarah projek kurang peka terhadap kepentingan proses pendaftaran rasmi. Akibatnya, walaupun program dilaksanakan dengan jayanya, ia tidak dapat diiktiraf dalam penilaian PI. Bagi menangani isu ini, fakulti telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan latihan ringkas kepada pensyarah dan (PIC) berkaitan pengisian laporan dan proses pelaporan rasmi. Selain itu, (TDPJICAN) turut menganjurkan sesi libat urus bersama (CNC) bagi memperjelas prosedur dan kepentingan pendaftaran dalam sistem (PRIME). *(Rujuk Lampiran Bukti - Petikan Mesyuarat Pengurusan Bil. 5/2024)*

Risiko seterusnya melibatkan **kekurangan sumber data kewangan serta kebergantungan kepada dana terhad**. Hal ini berpunca daripada kekangan bajet dan kurangnya hebahan mengenai peluang kolaborasi yang boleh menggalakkan penglibatan pihak luar termasuk alumni. Sebagai langkah mitigasi, fakulti memperluas sumber kewangan dengan menjalin kerjasama bersama unit kewangan, memperkukuh peranan alumni sebagai penyumbang, serta menggiatkan hebahan berkaitan tabung sumbangan seperti Tabung Masscomm Care. *(Rujuk lampiran bukti - Hebahan Tabung Masscomm Care)*

Akhir sekali, terdapat isu **program yang tidak berjenama jelas serta kurang pengenalpastian impak PI**. Tanpa penjenamaan seragam dan saringan impak awal, program sukar dikenali sebagai inisiatif fakulti. Untuk itu, tindakan seperti peningkatan promosi digital, agihan tugas lebih sistematik, serta pemanfaatan data untuk keputusan berasaskan bukti telah dilaksanakan. *(Rujuk lampiran bukti - Analisis dan senarai bukti mengikut fokus penjenamaan program)*

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_P01_PB04_PC02_20251_Minit Mesyuarat Pengurusan Bil. 5.2024.pdf](#)
2. [F0029_P01_PB04_PC02_20252_Bukti- 4.4.2.2 Hebahan Tabung Masscomm Care.docx.pdf](#)
3. [F0029_P01_PB04_PC02_20253_BUKTI 4.4.2.3 Kategori, Analisis dan Senarai aktiviti mengikut fokus dan penjenamaan program.pdf](#)
4. [F0029_P01_PB04_PC02_20254_Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul.pdf](#)
5. [F0029_P01_PB04_PC02_20255_Anugerah Geran Alumni 7k.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Risiko 1: Ketiadaan Data dan Daftar Alumni UiTMasscomm

Tiada data berpusat menyebabkan fakulti sukar mengenal pasti kepakaran dan peluang kerjasama bersama alumni. Selain mengekalkan hubungan baik dengan Persatuan Alumni Masscomm, UiTMasscomm menggunakan platform media sosial (Facebook) untuk relationship building, jaringan profesional dan kerjasama. Fakulti juga memperkenalkan website DNA Masscomm sebagai pangkalan data rasmi alumni. Sebagai tindakan Penambahbaikan, hebahan program dikongsi secara konsisten di Facebook Alumni. Alumni turut digalakkan mendaftar di website DNA Masscomm serta dilibatkan dalam program fakulti bagi mengukuhkan hubungan strategik. *(Rujuk lampiran bukti - Website DNA Masscomm dan platform media sosial)*

Risiko 2: Kepelbagaian Format Laporan Program

Format laporan yang berbeza-beza menyukarkan pendaftaran ke sistem PRIME dan tujuan rekod rasmi. Dalam langkah mengawal risiko, ICAN UiTMasscomm menyediakan panduan maklumat termasuk kerangka pelaporan fakulti, templat standard kepada PIC untuk diisi disalurkan kepada Koordinator ICAN. Tindakan Penambahbaikan: Koordinator ICAN bekerjasama TD PJI memastikan program dilaksanakan dengan laporan mengikut format seragam yang ditetapkan, sekali gus menjamin ketepatan data dan konsistensi rekod. *(Rujuk lampiran bukti - Kerangka Pelaporan FKPM & Panduan Laporan Lengkap)*

Risiko 3: Tiada Penjenamaan Seragam dan Mekanisme Saringan Program

Antara punca risiko utama adalah program/aktiviti terlalu banyak, tiada penjenamaan konsisten, serta ketiadaan mekanisme saringan awal mengenal pasti impak PI. KUK membangunkan penjenamaan rasmi mengikut kategori, serta menyelaras objektif agar selaras dengan identiti fakulti. Antaranya:

- McMentor – Alumni sebagai Mentor
- McSafer – Memperkasa Komuniti
- McCare – Kesukarelawan

Tindakan Penambahbaikan: Menggalakkan penganjuran bersama bagi menjimatkan masa, tenaga, dan memastikan pengurusan kewangan lebih berkesan. Pendekatan ini dibuktikan melalui Commed 2024, yang berjaya mencapai sasaran penjenamaan McMentor dan McSafer, serta memenangi Anugerah Program Alumni Berimpak 2024. *(Rujuk lampiran bukti - Anugerah Program Alumni)*

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_P01_PB04_PC03_20251_BUKTI 4.4.3.1 Website DNA Masscomm dan sample hebahan.pdf](#)
2. [F0029_P01_PB04_PC03_20252_BUKTI 4.4.3.3 Panduan Laporan Lengkap.pdf](#)
3. [F0029_P01_PB04_PC03_20253_Bukti 4.4.3.2 Kerangka Pelaporan FKPM .pdf](#)
4. [F0029_P01_PB04_PC03_20254_Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul.pdf](#)
5. [F0029_P01_PB04_PC03_20255_Anugerah Geran Alumni 7k.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kesemua inisiatif diintegrasikan melalui JAKK sebagai strategi menyeluruh. *Task force* tetap dibentuk untuk mengurus McMentor, McSafer, McCare secara selari. OS SYNERGY dibudayakan dalam komunikasi fakulti dan dijadikan prinsip pembangunan warga. Pelantikan Profesor Adjung (24 September) memperkukuh hubungan industri, Summer Camp AUT mengukuhkan rangkaian global, dan Majlis Apresiasi FKPM (18 Disember) mengiktiraf pencapaian. Integrasi ini menzahirkan tema SYNERGY@UiTMasscomm secara menyeluruh. ([Rujuk lampiran bukti - Surat Lantikan Profesor Adjung](#))

Pencapaian Petunjuk Prestasi (PI)

Menjelang Disember 2024, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) telah mencatatkan pencapaian yang membanggakan hasil pelaksanaan Perancangan Inovatif (PI) berteraskan tema SYNERGY@UiTMasscomm. Inisiatif strategik ini berjaya memperkukuh sinergi antara warga fakulti, alumni, dan komuniti, serta memperkasa semangat kesukarelawananan dan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Antara pencapaian utama termasuk:

- FKPM telah dianugerahkan Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul melalui Program COMMED Festival 2024 ([Rujuk lampiran bukti - Sijil Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul](#)) dan Anugerah Geran Alumni 7K : Program Berimpak ([Rujuk lampiran bukti - Sijil Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul](#))
- Graduation on Time (GOT) mencapai kadar 91.6%, mencerminkan keberkesanan sokongan akademik dan pemantauan pelajar. ([Rujuk lampiran bukti - Data Statistik GOT 2024](#))
- Seramai 155 alumni FKPM telah bergelar usahawan, menunjukkan impak positif pendidikan keusahawanan dan jaringan alumni. ([Rujuk Lampiran Bukti - Data Alumni Bergelar Usahawan](#))
- Dua kolaborasi strategik baharu telah dimeterai, memperluas jaringan industri dan peluang kerjasama.
- Lima perjanjian MOU/MOA di peringkat antarabangsa telah dimeterai, memperkukuh kedudukan FKPM di arena global.
- Penyertaan pelajar dalam aktiviti kesukarelawananan meningkat dua kali ganda, mencerminkan kejayaan dalam menyemai jiwa prihatin dan bertanggungjawab.
- Program komuniti McSafer mencatatkan pertambahan penyertaan dan impak yang signifikan, sejajar dengan misi memperkasa komuniti melalui komunikasi berkesan. ([Rujuk lampiran bukti - Pencapaian Penuh Petunjuk Prestasi \(PI\) FKPM 2024 berkaitan bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawananan](#))

Pencapaian ini bukan sahaja menjadi petunjuk kejayaan pelan strategik fakulti, malah membuktikan bahawa SYNERGY@UiTMasscomm telah berjaya menyatukan kekuatan alumni, memperkasakan komuniti, dan menyuburkan nilai kemanusiaan dalam kalangan warga FKPM.

Pemantauan dan Penambahbaikan (Check & Act)

Pemantauan keberkesanan perancangan dilakukan secara berkala menerusi laporan suku tahun, sistem pemantauan KPI, dan bengkel seperti Bengkel HRMIS & MyPortfolio (12–14 Jun). Fakulti telah mengenal pasti keperluan pelarasan strategi apabila kadar penyertaan alumni berada di bawah jangkaan pada Q1, dan mengambil tindakan seperti promosi digital dan insentif penghargaan.

Salah satu strategi yang diperkenalkan ialah pelantikan Profesor Adjung (24 September) sebagai ikon profesional dan pemangkin hubungan strategik antara alumni dan pelajar. Ini telah

membuka ruang kerjasama berterusan dalam bentuk syarahan profesional, pembangunan kerjaya dan projek industri.

Jadual Aktiviti Mengikut Elemen ADLI

Approach

Bengkel Perancangan Strategik FKPM, Perjumpaan Dekan Bersama Warga, Penetapan KPI berdasarkan JAKK & OS SYNERGY

Deployment

Lawatan akademik (Universitas Andalas, UPNVJ, UNISBA, TMBOE), Majlis Aidilfitri@MassComm, Syarahan Sanjungan Budi, Communication & Media Festival (Commed), Syarahan Menteri, Ikrar Bebas Rasuah

Learning

Bengkel HRMIS 2.0 & MyPortfolio, Mesyuarat Pelaporan KPI (Q1–Q4), Refleksi pencapaian dalam Majlis Apresiasi FKPM

Integration

Pelantikan Profesor Adjung, Summer Camp di AUT, pembudayaan integriti & jaringan strategik dalam amalan berterusan di FKPM

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_P01_PB05_20251_PELANTIKAN PROF ADJUNG \(DALAM NEGARA\) DI UiTM-min_removed.pdf](#)
2. [F0029_P01_PB05_20252_Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul.pdf](#)
3. [F0029_P01_PB05_20253_Statistik GOT \(Sesi 20242\).pdf](#)
4. [F0029_P01_PB05_20254_Data Alumni Bergelar Usahawan.pdf](#)
5. [F0029_P01_PB05_20255_Pencapaian PI keseluruhan FKPM 2024.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Tertinggi (PT) UiTM Masscomm yang diterajui oleh Dekan bersama tiga Timbalan Dekan (Akademik, Hal Ehwal Pelajar serta Penyelidikan & Jaringan Industri), Ketua-Ketua Pusat Pengajian, Koordinator Program dan Unit Kualiti sentiasa komited menjadikan fakulti sebagai pusat rujukan utama dalam bidang komunikasi dan media di Malaysia. Keutuhan kepimpinan ini memberi impak langsung kepada empat kategori pelanggan utama: (i) **pelanggan strategik** iaitu ibu bapa/penjaga, penaja pelajar, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan UiTM, (ii) **pelanggan teras** iaitu pelajar berdaftar yang menerima manfaat akademik, kokurikulum dan pembangunan sahsiah, (iii) **pelanggan organisasi** iaitu staf akademik, staf pentadbiran serta pelajar yang menjadi penggerak proses pengurusan, dan (iv) **pihak berkepentingan luaran** iaitu alumni, komuniti, industri serta agensi kerajaan dan swasta yang bertindak sebagai penyokong strategik pembangunan kualiti akademik dan profesionalisme pelajar.

Seiring dengan aspirasi UiTM menuju **Globally Renowned University (GRU) 2025** dan berpaksikan tema **SYNERGY@FKPM: Menyatukan Alumni, Memperkasa Komuniti, Menyemai Jiwa Sukarelawan**, UiTM Masscomm melaksanakan inisiatif strategik dalam bidang tumpuan (BT) utama iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK). Program BT dilaksanakan secara berpusat dan bersepadu, berpandukan Pelan Strategik FKPM 2025, Pelan Strategik UiTM 2025, Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2015–2025 serta Pelan Tindakan Keusahawanan IPT. Pada masa yang sama, UiTM Masscomm turut menjadikan **Sustainable Development Goals (SDG)** sebagai kerangka rujukan global yang menekankan pembangunan inklusif dan lestari. Dengan berpandukan SDG, UiTM Masscomm memastikan pelaksanaan program perkongsian ilmu bersifat menyeluruh, strategik dan berkesinambungan.

Perancangan (Plan)

UiTM Masscomm mengadaptasi prinsip **Customer Relationship Management (CRM)** sebagai elemen utama strategi organisasi bagi membolehkan fakulti mengenal pasti, mengurus dan menyepadukan keperluan pelanggan secara sistematik. Pendekatan ini membina hubungan jangka panjang berasaskan kepercayaan, kepuasan dan kesetiaan pelanggan.

Pelaksanaan (Do)

Dalam pelaksanaan, CRM menjadi kerangka panduan utama. Maklum balas pelanggan dikumpul melalui pelbagai platform konvensional dan digital. Unit Kualiti dan PT UiTM Masscomm telah mengambil inisiatif dalam menyediakan platform seperti **e-aduan UiTM, borang maklum balas, Google Form** dan **penilaian latihan amali** bagi membolehkan data kepuasan pelanggan dikumpul secara menyeluruh, seterusnya memudahkan penambahbaikan yang lebih efisien.

Pemantauan (Check)

Aduan dan maklum balas pelanggan dijadikan indikator keberkesanan JAKK. Unit Kualiti dibantu Unit Risiko membuat kutipan data aduan dan maklum balas pelanggan melalui pelbagai platform dan kaedah. PT UiTM Masscomm turut mengambil langkah melaksanakan pemantauan bersepadu bagi memastikan kebajikan pelajar sentiasa diberi keutamaan. Proses ini memperkukuh kecekapan pengurusan maklum balas secara sistematik dan responsif.

Tindakan Penambahbaikan (Act)

Akhirnya dalam tindakan penambahbaikan dan selaras dengan prinsip CRM, PT UiTM Masscomm komited melaksanakan penambahbaikan berterusan berasaskan maklum balas pelanggan. Sebagai contoh, input daripada pakar industri digunakan dalam penambahbaikan kurikulum dan maklum balas pelajar dimanfaatkan dalam penambahbaikan fasiliti mesra pelajar. PT UiTM Masscomm memastikan tindakan susulan dipantau secara berkala agar selaras dengan

objektif strategik organisasi, di samping memberi penekanan kepada kebajikan pelajar sebagai pelanggan utama.

Secara keseluruhannya, UiTMascomm telah berjaya membudayakan tumpuan kepada pelanggan melalui proses yang terancang, sistematik, inklusif dan berintegrasi, selaras dengan prinsip **ADLI** serta kitaran **PDCA**. Pendekatan ini memastikan fakulti kekal berada pada landasan tepat dalam memperkukuh kualiti akademik dan reputasi global, seiring dengan aspirasi kecemerlangan universiti dan hala tuju strategik masa hadapan.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMasscomm menstrukturkan pengelasan pelanggan dengan jelas bagi memastikan setiap kumpulan mendapat perhatian setara. **Pelanggan teras** ialah pelajar berdaftar yang menjadi penerima utama perkhidmatan akademik, kokurikulum dan bimbingan. **Pelanggan organisasi** pula terdiri daripada staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar yang berperanan sebagai penggerak proses serta pelengkap sistem pengurusan fakulti. Sementara itu, **pihak berkepentingan luaran** merangkumi alumni, komuniti, industri, universiti, ibu bapa serta agensi kerajaan dan swasta yang menjadi rakan strategik dalam memperkukuh pembangunan akademik dan kebolehpasaran graduan. Seiring dengan BT JAKK, UiTMasscomm memberi penekanan kepada pelajar, alumni, komuniti dan industri sebagai pelanggan utama sebagaimana digariskan dalam **Piagam Pelanggan FKPM** (Rujuk 3.2.1, Bukti 1).

Dari aspek **perancangan (Plan)**, UiTMasscomm menggariskan pelbagai program berpandukan Petunjuk Prestasi (KPI) dalam Pelan Strategik UiTM (Rujuk 3.2.2). **Customer Relationship Management (CRM)** dijadikan asas strategi, dengan dua kaedah utama: medium tradisional dan medium inovatif. Pendekatan ini memastikan hubungan dengan pelanggan sedia ada diperkukuh, di samping menyesuaikan diri dengan keperluan era digital.

Pendekatan 1 – Medium Tradisional

Pelaksanaan **CRM** melalui **medium tradisional** dilaksanakan dengan mengutamakan pertemuan bersemuka dan aktiviti libat urus yang menekankan komunikasi jelas serta berkesan. Antara inisiatif utama ialah **Ekspo Selangkah ke UiTM** (Rujuk 3.2.3, Bukti 1), **Misi Akademik ke Kampus Rembau dan Melaka** (Rujuk 3.2.3, Bukti 2), serta program jaringan alumni di bawah **McSafer** seperti **Communication & Media Festival (COMMED)** (Rujuk 3.2.3, Bukti 3) dan inisiatif **McCare** melalui penglibatan sebagai **sukarelawan di Asian Rights Fair 2024 Forum** (Rujuk 3.2.3, Bukti 4). Platform ini bukan sahaja memperkukuh hubungan dengan pelajar, alumni dan industri, malah menjadi wadah perkongsian ilmu serta pandangan yang konstruktif. Di samping itu, kerjasama strategik bersama agensi media, seperti program **“Borak Lempeng” bersama BERNAMA Radio** (Rujuk 3.2.4), telah meningkatkan kredibiliti fakulti serta membuka peluang kepada pelaksanaan projek kolaboratif berimpak tinggi.

Pendekatan 2 – Medium Inovatif

Pelaksanaan **CRM** melalui **medium inovatif** menekankan penggunaan teknologi digital sebagai saluran komunikasi utama. **Laman web rasmi UiTMasscomm** berfungsi sebagai pusat rujukan yang menyediakan akses maklumat secara berterusan, manakala platform media sosial rasmi seperti **Facebook** dan **Instagram** menjadi medium interaktif bagi menyampaikan informasi serta berhubung secara langsung dengan pelanggan (Rujuk 3.2.5, Bukti 1). Keberkesanan saluran maklum balas turut ditingkatkan melalui penggunaan sistem **e-Aduan UiTM**, **e-Aduan Fasiliti** dan **e-Aduan ICT** (Rujuk 3.2.5, Bukti 2). Di samping itu, bagi mempercepatkan tindakan dalaman, warga kerja UiTMasscomm menggunakan **kumpulan rasmi WhatsApp** untuk melaporkan isu fasiliti agar dapat ditangani dengan segera (Rujuk 3.2.5, Bukti 3).

Dari segi **pemantauan (Check)**, semua data maklum balas direkodkan, disimpan secara berpusat dan dianalisis oleh Unit Kualiti bersama Unit Risiko. Hasil analisis dijadikan indikator keberkesanan JAKK. Akhirnya, pada peringkat **tindakan penambahbaikan (Act)**, input pelanggan diterjemahkan ke dalam penambahbaikan kurikulum, penyediaan fasiliti mesra pelajar dan projek komuniti berimpak tinggi.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan CRM melalui pendekatan tradisional dan inovatif ini membuktikan komitmen UiTMasscomm terhadap **Dasar Kualiti FKPM 2020–2025** (Rujuk 3.2.1, Bukti 2). Strategi ini bukan sahaja meningkatkan kepuasan pelanggan tetapi juga

membudayakan amalan penambahbaikan berterusan dalam semua proses fakulti.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_T01_TB02_20251_BUKTI 3.2.1 - PIAGAM PELANGGAN FKPM.pdf](#)
2. [F0029_T01_TB02_20252_BUKTI 3.2.2 PELAN PERANCANGAN STRATEGIK 2024.pdf](#)
3. [F0029_T01_TB02_20253_BUKTI 3.2.3 EKSPLO SELANGKAH KE UITM.pdf](#)
4. [F0029_T01_TB02_20254_BUKTI 3.2.4 USAHASAMA PROGRAM BORAK LEMPENG.pdf](#)
5. [F0029_T01_TB02_20255_BUKTI 3.2.5 LAMAN SESAWANG, IG DAN FB UiTMASCOMM.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PT UiTM Masscomm telah memperkukuh usaha peluasan pendekatan tumpuan kepada pelanggan dengan mengekalkan kesinambungan daripada amalan tahun 2023 dan menambah baik proses berdasarkan hasil penilaian terdahulu. Perluasan ini merangkumi aspek pengumpulan data pelanggan, mekanisme penyimpanan dan analisis, penglibatan kumpulan sasaran dalam proses pengurusan, serta penyebaran pelaksanaan pada pelbagai peringkat organisasi UiTM. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, malah memastikan setiap kategori pelanggan termasuk pelanggan strategik, pelanggan teras, pelanggan organisasi, dan pihak berkepentingan luaran menerima manfaat secara seimbang, telus, dan berkesan.

Bagi aduan dan maklum balas pelanggan teras, PT UiTM Masscomm bersama Unit Kualiti **mengumpul data hasil aduan dan maklumbalas** yang diterima daripada pelanggan, **menganalisa dan seterusnya mengenal pasti risiko**. Contoh hasil maklumbalas yang diambil tindakan adalah berkaitan masalah 30 pelajar program Penyiaran yang terpaksa berhimpit di dalam makmal komputer yang hanya dilengkapi dengan 24 unit PC. Untuk 2024, PT UiTM Masscomm memutuskan supaya kelas dipecahkan menjadi dua dan mengenal pasti pensyarah yang telah menerima latihan Reskilling and Upskilling untuk mengajar jam tambahan tanpa melebihi KS 18 jam seminggu (Rujuk 3.3.1, Bukti 1).

Pengumpulan data pelanggan dilaksanakan secara sistematik melalui pelbagai saluran formal dan digital. Antara kaedah yang digunakan termasuk sistem **e-Aduan UiTM** (Rujuk 3.3.1, Bukti 4), **borang maklum balas pelanggan, laporan media** (Rujuk 3.3.2), **melalui medium elektronik seperti Whatsapp** (Rujuk 3.3.1, Bukti 5) dan **media sosial (Facebook, X dan Instagram)** serta **soal selidik kepuasan pasca program**. Contoh soal selidik kepuasan pasca program melibatkan dua projek di bawah **McSafer** iaitu program **SULAM-DOKPANIC 3.0** (Rujuk 3.3.1, Bukti 2) dan **ADTech - "SAJIWA" Memartabat Budaya Orang Asli** (Rujuk 3.3.1, Bukti 3).

Selain itu, input daripada industri dan alumni diperoleh melalui penilaian **penyelia industri terhadap pelajar UiTM Masscomm yang menjalani latihan amali** (Rujuk 3.3.4) dan program **Communication & Media Festival (COMMED)** di bawah **McMentor** (Rujuk 3.3.5), manakala aktiviti kesukarelawan dan komuniti luar menyumbang maklum balas melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti program **'Hands For Hope'; JSPT Kempen Keselamatan 'Jaga Jarak, Jaga Nyawa'; 'Majlis Iftar Jalinan Kasih Bersama Pelajar IPTA B40 & Miskin Tegar, Anak-Anak Yatim dan OKU' serta 'MC LIVE 8.0 Kuantan (Tanam Pokok)'** di bawah **McSafer** (Rujuk 3.3.2). Data yang dikumpul ini memastikan semua kategori pelanggan, sama ada Pelanggan Strategik, Pelanggan Teras, Pelanggan Organisasi atau Pihak Berkepentingan Luaran diwakili secara menyeluruh.

Seterusnya, **penyimpanan data** dilaksanakan melalui **Google Drive** kerana kaedah ini dilihat sebagai kaedah yang paling efektif. Penggunaan google drive dapat memudahkan proses pemantauan terhadap aduan, tahap kepuasan pelanggan, serta kadar keberhasilan tindakan pembetulan selain mempunyai storan yang besar dan boleh menyimpan pelbagai jenis format fail. Dengan ini, PT UiTM Masscomm dapat mengenal pasti masalah dan mengukur impak setiap tindakan pembaikan dengan lebih berkesan (Rujuk 3.3.3, Bukti 1 dan Bukti 2).

Dari segi **penglibatan pengurusan dan kumpulan sasaran**, UiTM Masscomm memastikan PT fakulti melibatkan pelanggan dalam membuat keputusan yang memberi kesan langsung kepada mereka. Misalnya, input semakan kurikulum dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Dapatan maklum balas pelajar turut dibincangkan dalam mesyuarat yang sama (Rujuk 3.3.1, Bukti 1).

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_T01_TB03_20251_BUKTI 3.3.1.pdf](#)
2. [F0029_T01_TB03_20252_BUKTI 3.3.2 LAPORAN MEDIA.pdf](#)
3. [F0029_T01_TB03_20253_BUKTI 3.3.3 - PIAGAM PELANGGAN FKPM.pdf](#)
4. [F0029_T01_TB03_20254_Bukti 3.3.4 Internship Evaluation Form from Internship Industrial Supervisor.pdf](#)
5. [F0029_T01_TB03_20255 \(LATEST\) BUKTI 3.3.5 LAPORAN COMMED.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pendekatan CRM dilaksanakan secara **sistematis** bagi menangani isu ketidakpuasan pelanggan secara proaktif dan berhemah, jika tidak ditangani dengan berkesan, akan memberi **risiko kepada reputasi serta kepercayaan** perkhidmatan yang ditawarkan.. **Dua inisiatif utama** diwujudkan oleh PT bagi memastikan maklum balas pelanggan ditangani secara **berstruktur, responsif dan berfokus** kepada penambahbaikan berterusan.

Inisiatif 1 – Instrument Maklum Balas Pelanggan

PT UiTMascomm menekankan kepentingan maklum balas pelanggan sebagai salah satu inisiatif utama dalam mengekalkan **hubungan strategik** bersama JAKK. Ia berfungsi sebagai indikator tahap kepuasan dan ketidakpuasan pelanggan serta menjadi medium bagi menyuarakan cadangan atau aduan berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan.

Bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan memenuhi keperluan pelanggan, instrumen **borang maklum balas (Rujuk 3.4.1 Bukti 1)** digunakan secara aktif. Sejalan dengan kemajuan teknologi, borang digital melalui platform **Google Form** telah diperkenalkan sebagai pendekatan yang lebih **efisien dan sistematis**. (Rujuk 3.4.1 Bukti 2)

Langkah ini meningkatkan **keberkesanan pengumpulan data** maklum balas, dan menyokong usaha UiTMascomm dalam mengekalkan reputasi serta **membudayakan nilai kerja berkualiti tinggi** dalam kalangan PT.

Selaras dengan kemajuan era modenisasi dan transformasi digital, UiTMascomm mengoptimalkan penglibatan pelbagai saluran dalam talian untuk mengumpul maklum balas pelanggan secara lebih pantas, mudah dan menyeluruh.

Maklum balas kini boleh disalurkan terus kepada pihak PT FKPM melalui platform digital rasmi seperti laman sesawang, (Rujuk 3.4.1 Bukti 3) Instagram dan Facebook. (FB Alumni) (Rujuk 3.4.1 Bukti 4). Penggunaan saluran digital mempercepatkan proses penerimaan maklumat, malah meningkatkan kecekapan dalam pengurusan komunikasi dua hala dengan pelanggan.

Bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan pengurusan maklum balas, pegawai khusus **dilantik secara rasmi sebagai pengurus platform digital**, dengan tanggungjawab memantau, merekod dan memberikan maklum balas segera terhadap sebarang komen atau aduan yang diterima. Pendekatan ini juga berperanan **mengurangkan risiko pencanggahan maklumat** serta memperkukuh hubungan strategik dengan JAKK.

Libat Urus Bersama Pakar dan Industri secara konsisten sebagai usaha penambahbaikan berterusan terhadap kurikulum akademik (Rujuk 3.4.1.Bukti 5). Melalui sesi perjumpaan rasmi, maklum balas diperoleh secara langsung berkenaan kesesuaian kandungan kurikulum dengan kehendak dan perkembangan semasa industri. UiTMascomm menjemput panel industri untuk menilai program akademik sedia ada menggunakan **rubrik penilaian khusus**, yang merangkumi aspek kemahiran teknikal, kebolehpasaran graduan serta kesesuaian hasil pembelajaran.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_T01_TB04_TC01_20251_MC Scholar Rujuk 3.4.1 Bukti 1.pdf](#)
2. [F0029_T01_TB04_TC01_20252_MsEW GF Rujuk 3.4.1 Bukti 2.pdf](#)
3. [F0029_T01_TB04_TC01_20253_Borang download Rujuk 3.4.1 Bukti 3.pdf](#)

4. [F0029_T01_TB04_TC01_20254_FB Alumni Rujuk 3.4.1 Bukti 4.pdf](#)
5. [F0029_T01_TB04_TC01_20255_CR INDUSTRI GF Rujuk 3.4.1 Bukti 5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMasscomm melaksanakan **strategi pengurusan risiko** yang diselaraskan dengan Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM bagi memastikan aktiviti dan program mencapai Petunjuk Prestasi (PI) yang ditetapkan (**Rujuk 3.4.2 Bukti 1**).

Pengurusan risiko dilaksanakan secara optimum melalui penggunaan operasi dan fasiliti sedia ada serta **penambahbaikan berterusan** berdasarkan keperluan semasa. Ianya merangkumi **Penyelaras Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pemilik Risiko** UiTMasscomm.

Di samping itu, penekanan terhadap kesejahteraan pelajar dengan menangani isu berkaitan **fasiliti yang menjejaskan suasana pembelajaran**, proses penaiktarafan kualiti fasiliti telah dijalankan dengan kerjasama pihak Pengurusan Tertinggi bertujuan **mengurangkan risiko terhadap pelajar**. (**Rujuk 3.4.2 Bukti 2**)

Maklum balas penambahbaikan turut direkodkan secara sistematik bagi tujuan pemantauan berterusan dan sebagai asas kepada tindakan penambahbaikan seterusnya.

Inisiatif 2 – Analisa Aduan Pelanggan (Kenal Pasti Risiko/Act)

PT UiTMasscomm tidak hanya merekod maklum balas pelanggan semata-mata, malah menjadikannya sebagai asas kepada tindakan **penambahbaikan strategik**. Inisiatif ini melibatkan **risiko analisis terperinci terhadap aduan dan maklum balas** yang diterima daripada pelbagai kumpulan pelanggan, termasuk industri dan warga kerja fakulti.

Salah satu sumber maklum balas utama diperoleh melalui borang **lawatan industri (Rujuk 3.4.2 Bukti 3)** oleh pensyarah yang memantau pelajar menjalani latihan industri. Maklum balas ini merangkumi bukan sahaja prestasi pelajar, tetapi juga aspek kurikulum, hasil dan produk akademik UiTMasscomm, halatuju strategik serta potensi **pengurusan risiko** masa hadapan. **Google Sheet (Database)** juga disediakan bagi para pelajar untuk urusan penempatan bagi latihan industri (**Rujuk 3.4.2 Bukti 4**).

Semua borang maklum balas dikembalikan kepada pengurusan tertinggi dengan memberi penekanan aspek **integriti untuk dianalisis**, difailkan, dan digunakan sebagai bahan rujukan dalam audit dalaman. Laporan audit ini memberi penekanan kepada isu-isu yang diketengahkan, sekali gus membolehkan **risiko pengurusan** mengenal pasti ruang penambahbaikan dengan lebih mendalam dan meningkatkan reputasi fakulti secara menyeluruh.

Dalam konteks **maklum balas sumber manusia**, UiTMasscomm turut menyahut seruan universiti dengan memberi perhatian serius terhadap hasil **UiTM Happiness Index**, khususnya penunjuk berkaitan **risiko kesejahteraan staf** fakulti. Data ini digunakan untuk mengenal pasti parameter kegembiraan warga kerja dan **merangka strategi** penambahbaikan persekitaran kerja yang lebih positif dan kondusif. Sesi perkongsian dikomunikasikan semasa mesyuarat akademik UiTMasscomm (**Rujuk 3.4.2 Bukti 5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_T01_TB04_TC02_20251_PI FKPM 2024 Rujuk 3.4.2 Bukti 1.pdf](#)
2. [F0029_T01_TB04_TC02_20252_Fasiliti Pelajar Rujuk 3.4.2 Bukti 2.pdf](#)
3. [F0029_T01_TB04_TC02_20253_Lawatan Industri Rujuk 3.4.2 Bukti 3.pdf](#)
4. [F0029_T01_TB04_TC02_20254_Info intership Rujuk 3.4.2 Bukti 4.pdf](#)
5. [F0029_T01_TB04_TC02_20255_Happiness Index Rujuk 3.4.2 Bukti 5.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMasscomm menjalankan pemantauan secara berkala dan berkesan. Tindakan ke atas maklum balas dan aduan pelanggan bagi memastikan penambahbaikan pelaksanaan inisiatif strategik JAKK dapat dilakukan bagi meningkatkan kepuasan hati pelanggan. Pengurusan tertinggi UiTMasscomm melaksanakan Tindakan maklum balas dan aduan pelanggan secara berikut ;

1. UiTMasscomm telah membentuk Jawatankuasa Unit Pengurusan Kualiti, yang diketuai oleh **Ketua Unit Kualiti dan Strategik (KUKS) serta Ketua Audit Dalam (Rujuk 3.4.3 Bukti 1)** yang bertanggungjawab untuk memantau keseluruhan perjalanan aktiviti audit di UiTMasscomm.
2. Pengurusan aduan dan maklum balas pelanggan bagi meningkatkan sistem pengurusan di UiTMasscomm telah diperkasakan. Moderator **sistem e aduan (Rujuk 3.4.3 Bukti 2)** akan memastikan segala aduan yang diaju dapat **dikomunikasikan secara optimis** dan perhatian yang sewajarnya dapat **dipertanggungjawabkan** kepada pihak yang tepat. Tujuan utama adalah agar ruang diberikan dan digunakan secara **berintegriti** dan menghasilkan **pengurusan risiko yang efektif (Rujuk 3.4.3 Bukti 3)**.
3. Data dan maklumat aduan dan maklumbalas pelanggan akan **dianalisa** untuk di ambil tindakan sehingga berjaya diselesaikan dalam jangkamasa tiga hari waktu bekerja. Penjana **laporan maklumbalas pelanggan** dan aduan akan dijana melalui sistem aduan rasmi UiTM **(Rujuk 3.4.3 Bukti 4)**.
4. Pelantikan Ahli Jawatankuasa **Pemilik Risiko** UiTMasscomm **(Rujuk 3.4.3 Bukti 5)** dapat membantu mengenalpasti risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan dan kejayaan pencapaian maklumbalas pelanggan.

Langkah-langkah mengkaji semula dan Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan dapat menghasilkan:

1. Untuk mengenal pasti kelemahan dalam perkhidmatan melalui aduan pelanggan bagi membolehkan organisasi melaksanakan penambahbaikan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.
2. Untuk mengenal pasti keperluan dan harapan pelanggan melalui aduan yang diterima serta mengambil tindakan yang bersesuaian bagi meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.
3. Untuk meningkatkan reputasi serta keberkesanan operasi organisasi melalui penyelesaian aduan pelanggan melalui meklum balas secara berkesan dan menunjukkan komitmen terhadap kepuasan pelanggan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_T01_TB04_TC03_20251_KUKS & KSA Audit Dalam Rujuk 3.4.3 Bukti 1.pdf](#)
2. [F0029_T01_TB04_TC03_20252_Sistem e aduan Rujuk 3.4.3 Bukti 2.pdf](#)
3. [F0029_T01_TB04_TC03_20253_Pengurus Risiko Rujuk 3.4.3 Bukti 3.pdf](#)
4. [F0029_T01_TB04_TC03_20254_Aduan maklum balas Rujuk 3.4.3 Bukti 4.pdf](#)
5. [F0029_T01_TB04_TC03_20255_Pemilik Risiko Rujuk 3.4.3 Bukti 5.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penemuan Hasil daripada Kaedah CRM:

Implementasi pendekatan berasaskan CRM ini telah berjaya mewujudkan empat tumpuan strategik merangkumi masyarakat, kolaborasi, tajaan, alumni dan media yang jitu di antara UiTM Masscomm dan semua pemegang taruh yang terlibat dalam beberapa projek berimpak tinggi di bawah bidang tumpuan JAKK.

CRM membantu mengenal pasti kaedah terbaik untuk merealisasikan program, terutama yang berbentuk **virtual (webinar) (Rujuk 3.5 Bukti 1)**. Perbincangan dapat dijalankan secara selesa dan **ekonomikal** dengan menggunakan platform media sosial. Ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin dengan mengenalpasti akan kekangan dan limitasi yang melibatkan semua pemegang taruh. Melalui **MC Scholars Webinar Series** yang berada di bawah Pasca Siswazah membuka peluang kepada para akademik dan pelajar dari dalam dan luar negara untuk **berkongsi kepakaran ilmu komunikasi** dan penyelidikan bagi membuka peluang yang lebih luas untuk **pembudayaan meraikan kemahiran** yang dinamik.

Merujuk kepada konteks CRM dengan melibatkan pelbagai kumpulan sasaran, UiTM Masscomm mengidentifikasinya sebagai **pengurusan universiti, pelajar, ibu bapa, komuniti, pihak industri, alumni, badan Kerajaan dan bukan Kerajaan serta pihak media (Rujuk 3.5 Bukti 2)**. Bukti adalah sebahagian dari inisiatif di bawah **McMentor**. Sehingga kini, lebih daripada 26,000 alumni UiTM Masscomm telah berdaftar dalam portal **MyAlumni UiTM**. Bagi meningkatkan tahap penglibatan alumni secara berterusan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak universiti, khususnya melalui ICAN. Selari dengan itu UiTM Masscomm turut mengambil langkah proaktif melalui pendekatan **pembudayaan** penggunaan portal dikalangan warga alumni.

Inisiatif hebahan secara **word-of-mouth** dan **pelaksanaan kempen kesedaran** di media sosial telah digerakkan sebagai **strategi komunikasi yang inklusif**, sejajar dengan **prinsip keterangkuman** agar setiap lapisan alumni tidak terpinggir. Selain itu, elemen **pengurusan risiko** turut diberi perhatian dengan memastikan data pendaftaran alumni dikendalikan secara sistematik dan selamat bagi mengelakkan ketirisan atau penyalahgunaan maklumat.

Integrasi profil pelanggan UiTM Masscomm boleh diperincikan dari pengkalan data laman sesawang **DNA Masscomm (Rujuk 3.5 Bukti 3)** yang dibangunkan sebagai usaha mendokumentasikan perkembangan alumni UiTM Masscomm sebagai komuniti yang kukuh dan berkembang.

Fokus utama inisiatif adalah untuk menyelusuri sejarah penubuhan, mengenal pasti akar identiti warga UiTM Masscomm, serta memahami perjalanan, pencapaian dan arah tuju masa depan. Melalui pemetaan hubungan antara **alumni, warga semasa, pihak industri yang berkaitan (Rujuk 3.5 Bukti 4)** dan sejarah institusi, akan membina satu **profil holistik** yang menjejak 'DNA' MassComm secara menyeluruh.

UiTM Masscomm membuktikan hasil dokumentasi pengumpulan, pemantauan dan kaji semula pengurusan dan **maklum balas pelanggan** beberapa inovasi telah dihasilkan dan dipertandingkan serta memenangi hadiah utama yang memfokuskan kepada JAKK. Contoh inovasi yang dihasilkan sepanjang tahun 2024:

1. eCONDEV2024 : Silver – Innovation-Decision in Social Diffusion
2. eCONDEV2024: Bronze – Exploring “Public Relations” through Micro Credential
3. Anugerah Geran Alumni 7K Program Berimpak 2024- MeTIC2025: Tempat Pertama – Communication and Media Festival.
4. Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul- MeTIC2025: Tempat Pertama – Communication

and Media Festival (COMMED2024)

(Rujuk 3.5 Bukti 5) bagi **Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul** yang dijalankan dibawah nama COMMED 2024), menawarkan peluang unik untuk JAKK meneroka trend baru dan membincangkan masa depan bidang **komunikasi dan media** dengan **penglibatan** aktif pihak industri. **Keterangkuman** pengisian COMMED yang **memperkasakan jaringan** JAKK dapat menghasilkan **budaya keterbertanggungjawaban** dan **delegasi** bagi menghasilkan **graduan yang holistik**. Ianya dapat mengurangkan **pengurusan risiko** terutamanya penyediaan graduan bagi pasaran kerja.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_T01_TB05_20251_Virtual webinar mc scholar Rujuk 3.5 Bukti 1.pdf](#)
2. [F0029_T01_TB05_20252_Alumni Talk Rujuk 3.5 Bukti 2.pdf](#)
3. [F0029_T01_TB05_20253_DNA MC Rujuk 3.5 Bukti 3.pdf](#)
4. [F0029_T01_TB05_20254_Minit mesyuarat Alumni Rujuk 3.5 Bukti 4.pdf](#)
5. [F0029_T01_TB05_20255_Alumni terunggul Rujuk 3.5 Bukti 5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaksanaan **Plan–Do–Check–Act (PDCA)** dalam bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) FKPM menjadi asas utama pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan. Pencapaian selaras dengan **PI Universiti, PS2025 UiTM, SULAM, SDG** serta memberi pulangan berasaskan **ROI** hasil pelaksanaan MoU dengan industri dan universiti luar negara.

Peranan **PSTU FKPM** dan **Ketua Unit Kualiti (KUK)** penting dalam mengurus data, memastikan sasaran realistik serta instrumen penilaian yang sah. Setiap program atau aktiviti dilaksanakan dengan kelulusan BHEP atau PTJ, diikuti pelaporan keberhasilan serta tindakan penambahbaikan. Pengukuran dibuat secara berterusan melalui **Instrumen Pengukuran Pencapaian (PMI)** dan **Pelan Risiko Pengetahuan**.

Pengurusan kanan FKPM menetapkan KPI dengan menilai faktor staf, pelajar, kemudahan dan dana. Mesyuarat TPPP menjadi mekanisme saringan supaya hanya projek berimpak tinggi dilaksanakan. Kejayaan program diukur melalui pencapaian PI, liputan media, imej fakulti serta pandangan khalayak. Alumni berfungsi sebagai aset strategik bukan sekadar menyumbang kewangan, malah melalui kepakaran, jaringan kerjasama dan advokasi.

Sepanjang tahun lalu, **42 projek JAKK** dilaksanakan daripada 102 projek fakulti. Sebanyak **18 projek cemerlang** dijadikan penanda aras, terdiri daripada **4 projek MC Mentor, 8 projek MC Safer** dan **6 projek MC Care**. FKPM juga menjalin **5 MoU antarabangsa** dan **6 MoU industri**, sekali gus memperkukuh jaringan akademik, komuniti dan kesukarelawan.

Perancangan

Bagi merealisasikan **PT UiTM 2025**, UiTMmasscomm menumpukan kepada:

1. Mengoptimumkan penglibatan masyarakat melalui **program khidmat mampan** yang diintegrasikan dalam kurikulum.
2. Memanfaatkan kerjasama pintar dengan industri bagi **pengalaman global** melalui mobiliti pelajar.

Pengukuran pencapaian JAKK ditetapkan melalui PI, **Objektif 6 Manual Kualiti FKPM**, visi UiTMmasscomm, laporan audit dan SUFO. Antara sasaran utama ialah sekurang-kurangnya dua projek masyarakat bertema setiap tahun, sokongan NGO, serta aktiviti **knowledge transfer** kepada masyarakat.

Pelaksanaan

Pengumpulan data dibuat melalui **Sistem Data UiTM** dan rekod UiTMmasscomm, dipantau oleh Unit Kualiti. Program 2023–2025 meliputi bengkel akademik, lawatan industri, kepimpinan pelajar, pertandingan, festival dan khidmat masyarakat. Penjenamaan projek dibahagikan kepada:

- **McMentor** (alumni),
- **McSafer** (komuniti),
- **McCare** (kesukarelawan).

Pelaksanaan melibatkan kampus Shah Alam, lokasi dalam negara dan antarabangsa, mencerminkan penglibatan fakulti yang menyeluruh.

Pemantauan dilakukan berasaskan **Skor i-UiTM, QS Ranking, MyGrant, iReS** dan laporan audit. Analisis serta pelaporan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan, JAF, MPE dan WIP sebelum dikongsi dalam mesyuarat fakulti.

Tindakan Penambahbaikan

Melalui pendekatan **OS Synergy**, UiTMasscomm proaktif melaksanakan penambahbaikan hasil pemantauan data. Sinergi ini melibatkan kerjasama dengan **ICAN UiTM, kampus cawangan Alor Gajah dan Rembau**, serta sokongan industri dan komuniti. Hasilnya, UiTMasscomm terus memperkukuh imej sebagai fakulti yang inovatif, berintegriti dan berdaya saing global.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan Strategik (PS2025 UiTM) dan [Key Performance Index \(KPI\) & Performance Index \(PI\)](#) menjadi panduan utama hala tuju fakulti pada tahun 2024. Pelan tindakan ini selaras dengan garis panduan pendidikan tinggi sedia ada termasuk aspek **SDG**. UiTM Masscomm berperanan menyediakan perkhidmatan pendidikan berkualiti sejajar matlamat **GRU2025**.

Pengukuran pencapaian **Bidang Tumpuan JAKK** dilaksanakan dalam Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat WIP berdasarkan skor **i-UiTM**, Laporan Audit Dalam (Bukti 4.2.1) serta **QS Ranking** (Bukti 4.2.4).

Pendekatan pengurusan JAKK berpandukan inovasi **SYNERGY@UiTM Masscomm: Menyatukan Alumni, Memperkasa Komuniti, Menyemai Jiwa Sukarelawan**, iaitu:

S – Strength

Y – Yield

N – Network

E – Excellence

R – Resourcefulness

G – Growth

Y – Yearning

SYNERGY diterjemahkan melalui tiga jenama program utama:

1. **McMentor** – menghubungkan alumni dengan pelajar sebagai mentor kerjaya, akademik dan sahsiah.
2. **McSafer** – meningkatkan kesedaran keselamatan, kesejahteraan sosial dan literasi media dalam komuniti serta pelajar.
3. **McCare** – payung kepada program komuniti dan kesukarelawanan fakulti yang menekankan tanggungjawab sosial.

Bagi pengukuran, beberapa indikator ditetapkan:

1. **Performance Indicator (PI) 2024** UiTM Masscomm merangkumi **25 sasaran khusus JAKK** (Bukti 4.2.2).

2. **Objektif Kualiti UiTM Masscomm berkaitan jaringan Masyarakat** iaitu:

- Melaksanakan sekurang-kurangnya dua **projek masyarakat bertema** sepanjang 2020–2025.
- Melaksanakan sekurang-kurangnya dua **projek jaringan masyarakat** setiap tahun.
- Mendapatkan sokongan NGO bagi semua projek.
- Melaksanakan projek berbentuk **knowledge transfer** kepada masyarakat.

3. **Visi UiTM Masscomm**: menjadikan fakulti komunikasi terkemuka dunia berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik (Bukti 4.2.3).

Bagi mengekalkan relevansi, perancangan dan pengukuran JAKK diselaraskan dengan PI universiti, **PS2025 UiTM**, Garis Panduan [SULAM](#), serta **ROI** hasil MoU dan aktiviti fakulti.

UiTM Masscomm juga menggunakan pendekatan **komitmen jaringan alumni** bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan program bag mencapai PI berkaitan. Antara contoh aktiviti adalah:

- **Tabung Masscomm Care** - platform digunakan fakulti untuk menguruskan sumbangan bagi

pelajar memerlukan. Ini mencerminkan komitmen fakulti dalam menjaga kebajikan pelajar, seiring dengan peranan alumni sebagai aset strategik. Alumni Masscomm dikenali sebagai komuniti yang bersatu dan prihatin, yang sentiasa menyokong program fakulti.

· Aktiviti tahunan **McExpert dibawah kelompok program McMentor** yang sentiasa ditambah baik berdasarkan maklum balas berterusan. Aspek operasi seperti lokasi program, pemilihan industri, dan penglibatan alumni bagi **perkongsian ilmu** memastikan sesi menawarkan nilai yang terbaik kepada peserta. (Bukti 4.2.4)

Komitmen UiTMasscomm terhadap kecemerlangan terbukti melalui liputan media. Peningkatan ini bukan sahaja menaikkan imej fakulti, tetapi turut menarik minat sokongan berterusan industri dan alumni.

UiTMasscomm menggunakan lima **Pengukuran Pencapaian (PMI)**:

1. **Pencapaian Objektif** – Projek berimpak tinggi mencapai objektif inovasi, memberi manfaat kepada masyarakat dan meningkatkan imej fakulti.
2. **Penyertaan Pelanggan** – Projek dinilai berdasarkan penglibatan alumni, komuniti dan warga UiTM, memastikan keberkesanan dan kesinambungan.
3. **Inovasi dan Kreativiti** – Melalui jaringan industri dan alumni, fakulti menekankan elemen keusahawanan, daya saing serta idea baharu sumbangan pelajar.
4. **Keusahawanan Melalui Pertukaran Khidmat Profesional** – Projek membuka peluang menjana pendapatan, memberi penjimatan kos dan sokongan sumber.
5. **Kos Penjimatan** – Strategi memohon dana luar dan memanfaatkan visibiliti media percuma untuk meningkatkan impak.

Pndekatan strategik ini memastikan UiTMasscomm konsisten melahirkan graduan holistik, berdaya saing global, memberi sumbangan besar komuniti dan agenda kesukarelawanan sejajar aspirasi universiti dan disokong alumni.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_A01_AB02_20251_BUKTI 4.2.1 Petikan Minit Mesyuarat Pengurusan bil 5_2024.pdf](#)
2. [F0029_A01_AB02_20252_BUKTI 4.2.2 Senarai PI Bidang Tumpuan.pdf](#)
3. [F0029_A01_AB02_20253_BUKTI 4.2.3 Visi UiTM dan Objektif FKPM.pdf](#)
4. [F0029_A01_AB02_20254_BUKTI 4.2.4 Skor QS Ranking.pdf](#)
5. [F0029_A01_AB02_20255_Bukti 4.2.4 Pencapaian PI berkaitan alumni .pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan data yang sistematik melalui pelaksanaan instrumen pengukuran adalah elemen penting dalam menilai serta memperluas pencapaian bidang tumpuan JAKK. Data ini diperoleh daripada dua sumber utama:

1. **Sistem Data UiTM** – Antara sistem yang digunakan termasuk SUFO, PRIME, FinEPortal, NILAMs, UiSIMS, Dashboard Power BI, UePMO dan iRES. (Bukti: 4.3.1 Sistem Data UiTM)
2. **Sistem Data UiTMmasscomm** – Merangkumi Laporan PSTU, Laporan Bidang Tumpuan JAKK, data aktiviti BHEP, serta eSRR. (Bukti: 4.3.1 Sistem Data UiTMmasscomm)

Penggunaan kedua-dua sistem ini menekankan aspek pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan bagi BT JAKK. Data dikumpul melalui instrumen seperti sistem atas talian, borang maklum balas, serta laporan selepas program.

Bagi memastikan keterangkuman analisis, UiTMmasscomm menggunakan beberapa kaedah pengukuran:

- **i-UiTM Score** – Pencapaian PI diukur secara bulanan dan dianalisa setiap suku tahun dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Bengkel Perancangan Strategik. Pelaporan boleh dirujuk melalui Dashboard Power BI BTU.
- **Laporan Audit** – Menilai tahap kepatuhan terhadap Manual Kualiti, Prosedur Kualiti, serta peraturan yang berkaitan. Audit dilaksanakan sekurang-kurangnya setahun sekali, termasuk audit susulan, dengan hasil perbincangan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti. (Bukti: 4.3.2 Laporan audit)
- **QS Ranking** – Analisis tahunan mengenai kedudukan universiti dunia, merangkumi reputasi akademik dan majikan. Perbincangan dijalankan dalam Mesyuarat Ranking Champion UiTMmasscomm.
- **iReS & MyGrant** – Melaporkan jumlah geran penyelidikan, khususnya sumbangan industri. Analisis dijalankan empat kali setahun dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan. (Bukti: 4.3.3 Pelaporan iReS)

Selain itu, UiTMmasscomm menekankan aspek keterlihatan (visibility) melalui penyebaran maklumat berkaitan BT kepada alumni dan masyarakat. Inisiatif ini dilaksanakan melalui saluran media arus perdana, Radio UFM, dan perkongsian di media sosial. (Bukti: 4.3.4 Laporan media dan perkongsian alumni).

Data menunjukkan bahawa pendekatan program UiTMmasscomm seperti **McMentor**, **McSafer** dan **McCare** berjaya menarik perhatian media dalam pelbagai kategori, dengan dominasi liputan digital sebagai penanda aras baharu keberkesanan komunikasi fakulti. Strategi ini bukan sahaja meningkatkan imej UiTMmasscomm, tetapi juga membina keyakinan alumni, komuniti, dan industri terhadap peranan fakulti dalam ekosistem media dan masyarakat. (Bukti: 4.3.5 Analisis *Media Monitoring*)

Secara keseluruhannya, pengumpulan dan analisis data yang berstruktur bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pemantauan pencapaian bidang tumpuan JAKK, malah turut menyokong prinsip ketelusan, penambahbaikan berterusan, dan kecemerlangan institusi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_A01_AB03_20251_BUKTI 4.3.1 Sistem Data UiTMmasscomm.pdf](#)
2. [F0029_A01_AB03_20252_BUKTI 4.3.2 Sample laporan audit dan pembentangan aktiviti audit.pdf](#)
3. [F0029_A01_AB03_20253_Bukti 4.3.3 Pelaporan iRES \(DATA MyGRANT FKPM\).pdf](#)
4. [F0029_A01_AB03_20254_BUKTI 4.3.4 Sample laporan media, Radio UFM dan perkongsian](#)

[Alumni.pdf](#)

5. [F0029_A01_AB03_20255_Bukti-4.3.5 Analisis Media Monitoring.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dapatan analisa data bagi PI tahun 2023 telah dibincangkan dalam **Mesyuarat Pengurusan – Perancangan Strategik FKPM** serta semasa sesi pertemuan Dekan bersama warga fakulti. Perbincangan ini menilai pencapaian sepanjang tahun 2023 dan seterusnya merangka strategi untuk memperkukuh bidang tumpuan JAKK pada tahun 2024. (Bukti: 4.4.1.1 *Petikan Minit Mesyuarat Pengurusan 1/2024 dan slaid pembentangan Dekan bersama warga FKPM*)

Laporan pencapaian PI turut dikemukakan dari semasa ke semasa kepada pihak Pengurusan Fakulti. Perkongsian ini menjadi asas kepada proses pemantauan, di samping berfungsi sebagai rujukan bagi siri intervensi penambahbaikan yang dilaksanakan. Bagi tahun 2024, cadangan penambahbaikan telah dibincangkan dengan lebih terperinci melalui **Mesyuarat Pengurusan** dan **Mesyuarat Staf**. (Bukti: 4.4.1.2 *Petikan Minit Mesyuarat Pengurusan Bil. 4/2024*)

Melalui platform mesyuarat tersebut, proses pemantauan terhadap **visi, misi, dan objektif kualiti UiTMasscomm** dilaksanakan secara menyeluruh. Pemantauan dilakukan secara berkala oleh PSTU, sekurang-kurangnya sekali sebulan, dengan menggunakan instrumen **Skor i-UiTM** untuk menilai pencapaian PI. (Bukti: 4.4.1.3 *Contoh Analisa Data Pencapaian PI*). Analisa ini dibentangkan secara rasmi dan turut dikongsi melalui medium komunikasi seperti **WhatsApp** kepada Dekan, Timbalan Dekan, dan Pengarah Projek JAKK. Kaedah ini membolehkan intervensi segera diambil dan memberi kesan yang pantas serta berkesan.

Selain Skor i-UiTM, pemantauan turut melibatkan rujukan kepada **QS Ranking, Laporan Audit, dan MyGrant** bagi menilai tahap keberkesanan program, kepatuhan piawaian kualiti, serta sumbangan dalam bidang penyelidikan dan kolaborasi industri. Pada masa yang sama, perkongsian berkaitan aktiviti fakulti (Bukti 4.4.1.4) dan laporan media turut dihebahkan kepada warga fakulti serta melalui saluran media sosial, bagi meningkatkan ketampakan dan keterlibatan.

Usaha pemantauan ini dilaksanakan secara sistematik melalui **pengelompokan program/aktiviti mengikut kategori** tertentu, bagi memastikan **perancangan solusi dan kaedah penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan lebih terarah** (Bukti 4.4.1.5)

Secara keseluruhannya, pendekatan pemantauan yang **proaktif, berstruktur, dan inklusif** telah memberikan impak positif yang ketara. Pencapaian PI dapat dinilai dengan lebih tepat, manakala intervensi segera berjaya dilaksanakan bagi menangani isu yang timbul. Gabungan antara analisa data berterusan, komunikasi yang efektif, dan mekanisme intervensi pantas telah membuktikan keberkesanannya dalam memperkukuh pencapaian bidang tumpuan JAKK serta menyumbang secara langsung kepada kecemerlangan UiTMasscomm.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_A01_AB04_AC01_20251_BUKTI 4.4.1.1 Petikan minit mesyuarat pengurusan 1 2024 dan slides pembentangan Dekan bersama warga FKPM.pdf](#)
2. [F0029_A01_AB04_AC01_20252_BUKTI 4.4.1.2 Petikan Minit Mesyuarat Pengurusan Bil. 4 2024.pdf](#)
3. [F0029_A01_AB04_AC01_20253_BUKTI 4.4.1.3 Contoh Analisa Data Pencapaian PI.pdf](#)
4. [F0029_A01_AB04_AC01_20254_Bukti 4.4.1.4 Perkongsian di media sosial FKPM .pdf](#)
5. [F0029_A01_AB04_AC01_20255_Bukti 4.4.1.5 OS Synergy dan pengelompokan program UiTMasscomm.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko di FKPM dilaksanakan melalui pelbagai strategi pemantauan projek. Pihak pengurusan, Penyelaras PSTU, Koordinator ICAN, KUK serta PIC menilai pelaksanaan program mengenal pasti risiko, memantau pelaksanaan, dan membuat semakan semula bertujuan penambahbaikan. **Mesyuarat Pengurusan FKPM** atau diurus oleh **Unit Kualiti FKPM**, yang berperanan mengenal pasti, mendaftarkan risiko, dan melaksanakan tindakan mitigasi.

Proses analisis risiko dibuat melalui **pengamatan, temuramah bersama PIC, media monitoring** (Bukti 4.4.2.4) serta **analisis maklum balas program** (Bukti 4.4.2.5) Hasil dapatan digunakan untuk mencadangkan penambahbaikan, seterusnya untuk tindakan susulan.

Risiko 1: Laporan Program Jaringan Alumni dan Komuniti Tidak Diterima Sebagai Pencapaian PI

- **Punca Risiko:** Projek komuniti tidak didaftarkan dalam PRIME kerana pensyarah atau pengarah projek kurang peka terhadap kepentingan pendaftaran.
- **Impak:** Pencapaian PI UiTMascomm, bagi bidang tumpuan JAKK, tidak tercapai sepenuhnya kerana program tidak diiktiraf atau pencapaian sebenar lebih rendah daripada sepatutnya.
- **Kawalan Risiko:** Menyediakan latihan ringkas kepada pensyarah dan PIC tentang kaedah melengkapkan laporan. TDPjICAN telah mengadakan sesi libat urus CNC untuk perkongsian maklumat berkaitan PRIME. (Bukti: 4.4.2.1 Petikan Mesyuarat Pengurusan Bil. 5/2024)

Risiko 2: Kekurangan Sumber Data Kewangan serta Kebergantungan kepada Dana Terhad

- **Punca Risiko:** Dana kewangan yang terhad serta kurangnya hebahan peluang kolaborasi yang boleh membuka jalan kepada sumbangan alumni.
- **Impak:** Perancangan strategik terganggu dan pelaksanaan program/aktiviti tidak dijalankan secara optimum.
- **Kawalan Risiko:** Fakulti memperluas sumber kewangan dengan menjalin kerjasama bersama unit kewangan, memperkukuh sokongan alumni, serta melaksanakan hebahan berkaitan tabung sumbangan fakulti seperti **Tabung Masscomm Care**. (Bukti: 4.4.2.2 Hebahan Tabung Masscomm Care)

Risiko 3: Program Tidak Berjenama Jelas serta Kurang Pengenalpastian Impak PI

- **Punca Risiko:** Program/aktiviti tidak mempunyai penjenamaan yang seragam serta tiada mekanisme saringan awal untuk mengenal pasti impak langsung kepada PI.
- **Impak:** Program kurang dikenali, tidak menonjol sebagai inisiatif fakulti, gagal menunjukkan sumbangan sebenar kepada pencapaian PI.
- **Kawalan Risiko:** Membangunkan penjenamaan rasmi program/aktiviti mengikut kategori serta menyelaras fokus/objektif program agar konsisten dengan identiti UiTMascomm. (Bukti: 4.4.2.3 Kategori, Analisis dan Senarai Aktiviti mengikut Fokus dan Penjenamaan)

Melalui strategi ini, FKPM bukan sahaja dapat mengenal pasti kelemahan dalam pengurusan projek, tetapi juga memastikan setiap risiko ditangani dengan langkah mitigasi yang jelas. seterusnya memperkukuh pencapaian PI JAKK.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_A01_AB04_AC02_20251_BUKTI 4.4.2.1 Petikan Mesyuarat Pengurusan bil. 5_2024.pdf](#)

2. [F0029_A01_AB04_AC02_20252_BUKTI 4.4.2.2 Perbendaharaan Tabung Masyarakat Care.pdf](#)
3. [F0029_A01_AB04_AC02_20253_BUKTI 4.4.2.3 Kategori, Analisis dan Senarai aktiviti mengikut fokus dan penjenamaan program.pdf](#)
4. [F0029_A01_AB04_AC02_20254_Bukti 4.4.2.4 Media monitoring.pdf](#)
5. [F0029_A01_AB04_AC02_20255_Bukti 4.4.2.5 Hasil maklum balas program .pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan pencegahan dirancang dan dilaksanakan terhadap setiap risiko yang dikenal pasti oleh Pengurusan Fakulti, PSTU, KUK dan ICAN FKPM. Pengurusan risiko ini diperkukuh melalui pengumpulan data berkaitan, analisa keberkesanan tindakan, serta perkongsian maklumat kepada warga melalui mesyuarat, emel, dan WhatsApp bagi mewujudkan komunikasi dua hala berkesan antara pihak pengurusan dan staf.

Risiko 1: Ketiadaan Data dan Daftar Alumni UiTMasscomm

- **Punca Risiko:** Tiada data berpusat menyebabkan fakulti sukar mengenal pasti kepakaran dan peluang kerjasama bersama alumni.
- **Kawalan Risiko:** Selain mengekalkan hubungan baik dengan Persatuan Alumni Masscomm, UiTMasscomm menggunakan platform media sosial (Facebook) untuk *relationship building*, jaringan profesional dan kerjasama. Fakulti juga memperkenalkan **website DNA Masscomm** sebagai pangkalan data rasmi alumni.
- **Tindakan Penambahbaikan:** Hebahan program dikongsi secara konsisten di Facebook Alumni. Alumni turut digalakkan mendaftar di website DNA Masscomm serta dilibatkan dalam program fakulti bagi mengukuhkan hubungan strategik.
(Bukti: 4.4.3.1 Website DNA Masscomm dan contoh hebahan)

Risiko 2: Kepelbagaian Format Laporan Program

- **Punca Risiko:** Format laporan yang berbeza-beza menyukarkan pendaftaran ke sistem PRIME dan tujuan rekod rasmi.
- **Kawalan Risiko:** ICAN UiTMasscomm menyediakan **panduan maklumat** termasuk **kerangka pelaporan fakulti, templat standard kepada PIC** untuk diisi disalurkan kepada Koordinator ICAN.
- **Tindakan Penambahbaikan:** Koordinator ICAN bekerjasama TD PJI memastikan program dilaksanakan dengan laporan mengikut format seragam yang ditetapkan, sekali gus menjamin ketepatan data dan konsistensi rekod.
(Bukti: 4.4.3.2 Kerangka Pelaporan FKPM & 4.4.3.3 Panduan Laporan Lengkap)

Risiko 3: Tiada Penjenamaan Seragam dan Mekanisme Saringan Program

- **Punca Risiko:** Program/aktiviti terlalu banyak, tiada penjenamaan konsisten, serta ketiadaan mekanisme saringan awal mengenal pasti impak PI.
- **Kawalan Risiko:** KUK membangunkan **penjenamaan rasmi** mengikut kategori, serta menyelaras objektif agar selaras dengan identiti fakulti. Antaranya:
 - **McMentor** – Alumni sebagai Mentor
 - **McSafer** – Memperkasa Komuniti
 - **McCare** – Kesukarelawan
- **Tindakan Penambahbaikan:** Menggalakkan penganjuran bersama bagi menjimatkan masa, tenaga, dan memastikan **pengurusan kewangan lebih berkesan**. Pendekatan ini dibuktikan melalui **Commed 2024**, yang berjaya mencapai sasaran penjenamaan McMentor dan McSafer, serta memenangi **Anugerah Program Alumni Berimpak 2024**.
(Bukti: 4.4.3.4 Anugerah Program Alumni)

Pendekatan sistematik dalam pengurusan risiko (Bukti 4.4.3.5) membuktikan gabungan **data berpusat, penjenamaan konsisten, dan mekanisme intervensi segera** membantu mengukuhkan hubungan dengan alumni, meningkatkan kecekapan pelaporan, menyerlahkan impak terhadap pencapaian PI dan kecemerlangan fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_A01_AB04_AC03_20251_BUKTI 4.4.3.1 Website DNA Masscomm dan sample hebahan.pdf](#)

2. [F0029_A01_AB04_AC03_20252_Bukti 4.4.3.2 Kerangka Pelaporan FKPM .pdf](#)
3. [F0029_A01_AB04_AC03_20253_BUKTI 4.4.3.3 Panduan Laporan Lengkap.pdf](#)
4. [F0029_A01_AB04_AC03_20254_BUKTI 4.4.3.4 Anugerah Program Alumni.pdf](#)
5. [F0029_A01_AB04_AC03_20255_Bukti 4.4.1.5 OS Startegi Pengurusan Risiko JAKK. UiTMasscomm.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMasscomm telah mengintegrasikan pelbagai inisiatif strategik untuk memastikan pencapaian yang menyeluruh dalam BTJAKK. Pendekatan bersepadu ini berlandaskan kitaran **Plan–Do–Check–Act (PDCA)** dan disokong oleh kerangka **SYNERGY@UiTMasscomm**.

1. Perancangan Strategik dan Penjajaran Matlamat

Perancangan UiTMasscomm berpandukan hala tuju utama universiti, termasuk PS2025 dan KPI & PI. Setiap program dan aktiviti JAKK diselaraskan dengan sasaran ini, termasuk SDG dan SULAM, bagi memastikan pulangan pelaburan (ROI) yang optimum. Visi fakulti, iaitu menjadi fakulti komunikasi terkemuka dunia, diterjemahkan melalui sasaran kualiti yang jelas seperti melaksanakan projek masyarakat bertema dan aktiviti pemindahan ilmu.

2. Pelaksanaan Berlandaskan Jenama

Untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan, UiTMasscomm telah memperkenalkan tiga jenama program utama di bawah payung **SYNERGY yang lebih fokus dengan PI berkaitan, objektif aktiviti dan hasil ketampakan media**.

- **McMentor:** Menghubungkan alumni dengan pelajar sebagai mentor kerjaya dan akademik, memanfaatkan kepakaran mereka sebagai aset strategik. Contoh aktiviti: Newscamp 2.0 (Bukti 4.5.1)
- **McSafer:** Memperkasakan komuniti melalui program keselamatan, kesejahteraan sosial, dan literasi media. (Bukti 4.5.2)
- **McCare:** Menggalakkan semangat kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan warga fakulti. Contoh aktiviti: INC SIGHT (Bukti 4.5.3)

Penjenamaan ini bukan sahaja memberikan identiti yang jelas kepada setiap inisiatif tetapi juga membantu dalam mengumpul dan menganalisis data secara lebih terperinci.

3. Pemantauan Berasaskan Data dan Intervensi Segera

Proses pemantauan adalah elemen kritikal dalam integrasi ini. Data dikumpul secara sistematik melalui pelbagai platform seperti **Sistem Data UiTM** (PRIME, SUFO, dll) dan **Sistem Data UiTMasscomm** (Laporan PSTU, Laporan Audit, Data BHEP).

Pemantauan dilakukan secara berkala melalui:

- **Skor i-UiTM:** Menganalisis pencapaian PI setiap suku tahun.
- **Laporan Audit:** Memastikan kepatuhan terhadap piawaian kualiti.
- **QS Ranking:** Menilai kedudukan fakulti dalam konteks global.

Analisis data ini membolehkan Pengurusan Fakulti membuat intervensi segera dan penambahbaikan berterusan, memastikan setiap program mencapai sasaran yang ditetapkan.

4. Penambahbaikan dan Pengurusan Risiko yang Proaktif

UiTMasscomm mengamalkan pendekatan proaktif dalam menangani risiko. Dipertanggungjawabkan kepada Penyelaras Resiko (Bukti 4.5.4.a). Setiap risiko yang dikenal pasti berdasarkan Pelan Tindakan Risiko UiTMasscomm (Bukti 4.5.4.b)) seperti kekurangan data alumni dan format laporan yang tidak seragam, diurus dengan tindakan mitigasi yang jelas.

Antara tindakan penambahbaikan termasuk:

- Membangunkan laman web **DNA Masscomm** sebagai pangkalan data alumni.
- Menyediakan **kerangka dan templat laporan yang seragam** untuk semua program.
- **Menggalakkan penganjuran bersama** bagi menjimatkan sumber dan meningkatkan impak.

Pencapaian luar biasa UiTMasscomm semakin terserlah apabila program **COMMED 2024** (Bukti 4.5.5) dinobatkan sebagai pemenang anugerah berprestij. Kejayaan ini bukan sekadar pendiktirafan, tetapi bukti keberkesanan pendekatan integrasi melalui penienamaan **McSafer**

dan **McMentor** untuk memperkasa komuniti dan membina hubungan strategik dengan alumni.

COMMED 2024 menjadi platform penting untuk menyumbang secara **signifikan kepada masyarakat, sekali gus memperkukuh imej fakulti.**

Kejayaan ini turut mendapat **liputan pelbagai platform media, meningkatkan visibiliti dan kredibiliti UiTMasscomm** kepada masyarakat, memegang taruh dan alumni melalui sorotan media: **BERNAMA:** [FKPM UiTM Hosts Inaugural Communication and Media Festival](#).

Strategi UiTMasscomm yang berteraskan **penjajaran matlamat universiti, penjenamaan SYNERGY, pemantauan berasaskan data, dan pengurusan risiko proaktif** telah membuktikan keberkesanannya dalam mencapai PI dan KPI fakulti. Melalui jenama **McMentor, McSafer dan McCare.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_A01_AB05_20251_BUKTI 4.5.1 NEWSCAMP2.0.pdf](#)
2. [F0029_A01_AB05_20252_BUKTI 4.5.2 Program- program McSafer.pdf](#)
3. [F0029_A01_AB05_20253_BUKTI 4.5.3 Program McCare.pdf](#)
4. [F0029_A01_AB05_20254_BUKTI 4.5.4 Maklumat Kawalan Risiko FKPM.pdf](#)
5. [F0029_A01_AB05_20255_BUKTI 4.5.5 LAPORAN COMMUNICATION AND MEDIA FESTIVAL 2024.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan sumber manusia menjadi bidang tumpuan utama Jawatankuasa Audit Akademik (JKAA) dalam memastikan kecemerlangan UiTMasscomm. Seiring dengan strategi **SYNERGY@UiTMasscomm: Menyatukan Alumni, Memperkasa Komuniti, Menyemai Jiwa Sukarelawan**, tenaga akademik dan pentadbiran digerakkan melalui pendekatan berstruktur berlandaskan nilai **ESI** (Excellence, Synergy, Integrity) dan **IDART** (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab).

Dari sudut **Approach**, fakulti menekankan pembangunan kompetensi staf melalui latihan berfokus, kursus kepakaran, bimbingan mentor, serta pemerkasaan integriti dan profesionalisme. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong pencapaian akademik, malah melahirkan ekosistem kerja kondusif yang memperkukuh budaya prestasi tinggi.

Dari segi **Deployment**, pelaksanaan strategi diterjemahkan melalui pelbagai program dan pencapaian berimpak tinggi. Antaranya termasuk kadar **Graduation on Time (GOT) 91.6%**, lahirnya **155 alumni usahawan**, termeterainya **5 MoU/MoA antarabangsa**, serta penglibatan aktif pelajar dan staf dalam aktiviti komuniti dan sukarelawan. Tenaga akademik turut mengetuai inisiatif unggul seperti **COMMED Festival**, **Majlis Syarahan Sanjungan Budi**, dan projek komuniti berimpak sosial, sekali gus memperkukuh kedudukan fakulti di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dari perspektif **Learning**, keberhasilan ini diperkaya melalui refleksi berterusan terhadap amalan terbaik. Pengalaman kolaborasi antarabangsa, mobiliti staf, serta penyertaan dalam program global seperti **Summer Camp AUT** memberi ruang penambahbaikan kepada kaedah pengajaran, penyelidikan, dan inovasi fakulti. Pembelajaran berterusan ini membentuk staf yang adaptif, kreatif, dan responsif terhadap cabaran semasa.

Akhirnya, dari aspek **Integration**, keseluruhan usaha sumber manusia di UiTMasscomm dihubungkan dengan matlamat lebih luas universiti dan negara. Pemerkasaan staf tidak sahaja meningkatkan kualiti akademik, malah mengukuhkan jaringan alumni, memperkasa komuniti, dan menyemai semangat kesukarelawan dalam kalangan warga fakulti. Nilai-nilai ini disepadukan dalam **OS SYNERGY** (Strength, Yield, Network, Excellence, Resourcefulness, Growth, Yearning) yang menjadi tunjang kepada pencapaian holistik fakulti.

Secara keseluruhan, pelaksanaan ADLI dalam proses sumber manusia memastikan UiTMasscomm mampu mengekalkan staf yang berdaya saing, berdedikasi, dan berintegriti. Kejayaan ini bukan sahaja mengangkat kecemerlangan akademik dan pembangunan alumni, tetapi juga mewujudkan impak sosial dan komuniti yang mampan, menjadikan fakulti terus relevan di peringkat nasional dan antarabangsa.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan pembangunan sumber manusia UiTMasscomm dilaksanakan secara sistematik berlandaskan strategi **SYNERGY@UiTMasscomm: Menyatukan Alumni, Memperkasa Komuniti, Menyemai Jiwa Sukarelawan** dan rangka kerja **OS SYNERGY**. Fokus pendekatan ini ialah memastikan setiap staf akademik dan pentadbiran berpeluang meningkatkan kompetensi, kesejahteraan, serta kepimpinan, seiring dengan aspirasi fakulti sebagai peneraju komunikasi dan media di peringkat nasional dan antarabangsa.

Kaedah pengurusan sumber manusia digubal melalui **3 TERAS UTAMA: pembangunan kompetensi, pengiktirafan pencapaian, dan penambahbaikan berterusan**. Bagi pembangunan kompetensi, fakulti menetapkan sasaran jelas agar setiap staf melengkapkan minimum **42 jam latihan tahunan** yang direkodkan melalui **HR2U, LNPT, dan MyATP**. Latihan ini meliputi kursus kepakaran, bengkel pedagogi, program bimbingan, serta sesi mentoring dan coaching. Pendekatan ini bukan sahaja menambah baik penguasaan pengetahuan semasa, tetapi juga meningkatkan keupayaan inovasi dan keberkesanan pengajaran.

Selain itu, staf didorong memperluas pengalaman melalui **mobiliti akademik dan jaringan antarabangsa**. Lawatan akademik ke Universitas Andalas, UPNVJ, UNISBA, Tokyo Metropolitan Board of Education, serta penglibatan dalam **Summer Camp AUT** membolehkan staf membina jaringan profesional yang memberi impak langsung kepada pelajar dan fakulti. Peluang ini disusun sebagai sebahagian daripada pelan pembangunan staf lima tahun, bagi memastikan pendedahan antarabangsa menjadi norma dalam kerjaya akademik di FKPM.

Dari sudut pengiktirafan, pengurusan fakulti melaksanakan sistem **penghargaan formal dan tidak formal** bagi mengekalkan motivasi serta budaya kerja berprestasi tinggi. Antara bentuk penghargaan yang diamalkan termasuk **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Majlis Apresiasi Warga FKPM**, lantikan **Profesor Adjung**, serta pengiktirafan kepimpinan program unggul seperti **COMMED Festival** dan **Majlis Syarahan Sanjungan Budi**. Pada masa sama, pengiktirafan tidak formal seperti ucapan penghargaan dalam mesyuarat fakulti, paparan pencapaian staf di media sosial rasmi, serta insentif kecil berbentuk sokongan kebajikan turut diimplementasikan sebagai langkah mengekalkan semangat kekitaan.

Pendekatan ini dilengkapi dengan **mekanisme penilaian dan penambahbaikan berterusan**. Data latihan staf, pencapaian GOT, serta sumbangan dalam penerbitan, penyelidikan, dan inovasi dianalisis secara tahunan bagi mengenal pasti jurang pencapaian dan keperluan pembangunan lanjut. Penambahbaikan dibuat melalui penstrukturan semula kursus, pengenalan modul baharu, serta pemantapan sistem mentoring berasaskan hasil penilaian. Elemen inovasi turut diterapkan dengan mengintegrasikan sokongan alumni dan industri, contohnya melalui penyelarasan aktiviti sukarelawan dan kolaborasi penyelidikan bersama rakan industri.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini membuktikan bahawa pembangunan sumber manusia di UiTMasscomm tidak dilaksanakan secara ad hoc, tetapi dirancang secara menyeluruh dan berstrategi. Melalui sistem yang jelas – latihan, jaringan antarabangsa, penghargaan, penilaian, dan inovasi – fakulti berjaya membina ekosistem kerja kondusif, mengekalkan staf yang kompeten, serta memastikan bidang tumpuan sumber manusia menyumbang langsung kepada kecemerlangan akademik, pengukuhan alumni, dan impak sosial yang mampan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_S01_SB02_20251_5.2 Senarai Latihan Staf 2024.pdf](#)
2. [F0029_S01_SB02_20252_5.2 Lantikan Profesor Adjung.pdf](#)
3. [F0029_S01_SB02_20253_5.2 Laporan Projek COMMED Festival.pdf](#)
4. [F0029_S01_SB02_20254_5.2 Surat Lantikan Mentoring.pdf](#)
5. [F0029_S01_SB02_20255_5.2 Dokumentasi Program Antarabangsa dan Aktiviti](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan pembangunan sumber manusia di FKPM diterjemahkan melalui **program strategik dan operasional** yang menyeluruh. Kepakaran serta pengalaman staf akademik dan pentadbiran dioptimumkan dengan penyelarasan sistematik, memastikan bidang tumpuan fakulti memberi impak nyata kepada pelajar, alumni, komuniti, dan universiti.

Antara tonggak utama deployment ialah **inisiatif McMentor**, yang menghubungkan pensyarah bersama alumni untuk membimbing pelajar dalam kerjaya, industri kreatif, serta keusahawanan. Program ini memperlihatkan kepakaran akademik disepadukan dengan pengalaman profesional alumni, membolehkan fakulti melahirkan graduan yang lebih bersedia untuk pasaran kerja dan berdaya saing global.

Melalui **McSafer**, staf menggerakkan advokasi media dan literasi digital dengan pendekatan komuniti. Pensyarah memanfaatkan kepakaran dalam bidang komunikasi massa,ewartawanan, dan pengiklanan untuk melatih pelajar serta komuniti menangani isu keselamatan maklumat, berita palsu, dan penggunaan media secara beretika. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh reputasi fakulti sebagai pusat rujukan ilmu, tetapi juga menyokong agenda UiTM dalam memastikan graduan celik digital dan berintegriti.

Sementara itu, **McCare** memberi ruang kepada staf untuk memperluaskan impak sosial melalui sukarelawan. Aktiviti seperti kempen sosial, projek mural komuniti, dan program kolaboratif pelajar-fakulti mengoptimumkan pengalaman pengurusan projek staf, sambil membina nilai empati serta tanggungjawab sosial dalam kalangan warga fakulti.

Di peringkat antarabangsa, fakulti memperluaskan kepakaran staf melalui **penglibatan dalam program mobiliti dan jaringan strategik**. Lawatan akademik, penyertaan dalam **Summer Camp AUT**, serta kolaborasi bersama institusi luar negara memperkukuh profil fakulti dan menyokong aspirasi UiTM sebagai universiti bertaraf global. Staf yang terlibat berperanan sebagai pemangkin kepada perkongsian ilmu antarabangsa, di samping membuka peluang baharu kepada pelajar dan alumni.

Bagi memastikan deployment ini terarah dan berkesan, pelaksanaan disokong oleh **Jawatankuasa Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan (JAKK)**. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai penyelar strategik, memantau aktiviti staf, dan memastikan keselarasan dengan objektif fakulti serta UiTM. Setiap program dinilai menggunakan **Petunjuk Prestasi (PI) suku tahunan**, termasuk kadar penglibatan staf, keberhasilan pelajar, impak komuniti, dan pengiktirafan di peringkat nasional serta antarabangsa.

Kejayaan deployment dapat dilihat melalui pencapaian fakulti yang selaras dengan agenda UiTM, antaranya **Graduation on Time (GOT) 91.6%**, peningkatan bilangan **alumni usahawan seramai 155 orang**, serta termeterainya **5 MoU/MoA antarabangsa**. Di samping itu, fakulti diiktiraf kerana penganjuran program berimpak tinggi seperti **Communication & Media Festival (COMMED2024)** dan **Majlis Syarahan Sanjungan Budi**, yang membuktikan keupayaan staf mengurus projek berskala besar dengan jayanya.

Secara keseluruhannya, deployment pembangunan sumber manusia UiTM Masscomm membuktikan bahawa pengurusan berjaya mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman staf dengan terancang. Penyelarasan berfokus antara akademik, pentadbiran, alumni, komuniti, dan rakan antarabangsa memastikan setiap warga fakulti memberi sumbangan efektif, sekaligus meneguhkan kedudukan UiTM sebagai institusi unggul di rantau ini.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_S01_SB03_20251_5.3 Laporan IT 2024.pdf](#)
2. [F0029_S01_SB03_20252_5.3 Dokumentasi Aktiviti McMentor, McSafer, McCare.pdf](#)
3. [F0029_S01_SB03_20253_5.3 Dokumentasi Program Antarabangsa dan Aktiviti Sukarelawan.pdf](#)
4. [F0029_S01_SB03_20254_5.3 Minit Mesyuarat Pengurusan.pdf](#)
5. [F0029_S01_SB03_20255_5.3 Laporan Projek COMMED Festival.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMasscomm melaksanakan pendekatan pembelajaran berterusan melalui **mekanisme pemantauan yang sistematik** bagi menilai tahap kepuasan staf, keberkesanan sistem kerja, serta keberhasilan pembangunan sumber manusia. Antara kaedah utama pemantauan ialah **Kajian Indeks Kegembiraan Staf (HI)** yang mencatatkan skor positif **72% pada tahun 2024**, menandakan majoriti staf berpuas hati dengan persekitaran kerja dan sokongan fakulti.

Di samping itu, **laporan KPI suku tahunan** digunakan bagi mengukur prestasi pencapaian staf akademik dan pentadbiran terhadap sasaran strategik fakulti. Setiap program atau inisiatif utama seperti McMentor, McSafer, dan McCare dilaksanakan bersama sesi **post-mortem** bagi mengenal pasti kekuatan, kelemahan, serta ruang penambahbaikan. Hasil analisis ini memastikan setiap aktiviti bukan sahaja mencapai matlamat jangka pendek, tetapi turut memberi nilai tambah kepada pembangunan fakulti secara menyeluruh.

Bengkel **HRMIS 2.0 dan MyPortfolio** dilaksanakan untuk menyeragamkan portfolio staf dan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan maklumat sumber manusia. Sementara itu, **dokumentasi aktiviti antarabangsa dan komuniti** dijadikan rujukan penting untuk merancang program masa depan, sekali gus mengelakkan pengulangan kelemahan dan memanfaatkan amalan terbaik.

Daripada hasil pemantauan, fakulti mengenal pasti keperluan peningkatan pada tiga aspek utama: **kompetensi staf** (melalui latihan dan kursus kepakaran), **kesejahteraan kerja** (melalui sokongan kebajikan dan inisiatif keseimbangan kerja-hidup), serta **motivasi staf** (melalui penghargaan formal dan informal). **Penambahbaikan juga dibuat** dalam strategi komunikasi dalaman, promosi digital, dan penyelarasan rentas jabatan bagi mengoptimumkan keberkesanan program.

Keseluruhannya, sistem pemantauan ini bukan sahaja mengukur tahap kepuasan staf dan menangani aduan, tetapi juga **berfungsi sebagai asas pembelajaran untuk inovasi dan penambahbaikan berterusan**. Pendekatan ini memastikan setiap warga UiTMasscomm kekal bermotivasi, produktif, dan selaras dengan aspirasi universiti.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_S01_SB04_SC01_20251_5.4.1 Laporan UHI 2023-2024.pdf](#)
2. [F0029_S01_SB04_SC01_20252_5.4.1 Bengkel HRMIS & MyPortfolio.pdf](#)
3. [F0029_S01_SB04_SC01_20253_5.4.1 Laporan Program Antarabangsa.pdf](#)
4. [F0029_S01_SB04_SC01_20254_5.4.1 Dokumentasi Program Antarabangsa dan Aktiviti Sukarelawan.pdf](#)
5. [F0029_S01_SB04_SC01_20255_5.4.1 Laporan PI 2024.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMasscomm melaksanakan pengurusan risiko sumber manusia secara sistematik dengan memastikan setiap risiko didaftarkan, dinilai, dan dianalisis mengikut impak terhadap operasi fakulti. Proses ini penting untuk menjamin kelancaran strategi **SYNERGY@UiTMasscomm** dan kesinambungan pelaksanaan program fakulti.

Antara risiko utama yang dikenal pasti termasuk:

1. **Tahap keterlibatan staf tidak seimbang** dalam program komuniti dan kesukarelawan, yang boleh menjejaskan keberkesanan pencapaian objektif JAKK.
2. **Pencapaian jam latihan tahunan staf** yang belum optimum berbanding sasaran 42 jam, sekali gus menjejaskan pembangunan kompetensi profesional.
3. **Kekangan sumber manusia** dalam melaksanakan program berskala besar seperti COMMED Festival, yang memerlukan kepakaran pengurusan projek intensif.
4. **Promosi digital kurang berkesan**, menyebabkan capaian khalayak sasaran program fakulti tidak maksimum.
5. Risiko luaran melibatkan **perubahan dasar pendidikan tinggi, sekatan perjalanan antarabangsa, dan kekangan kewangan institusi** yang boleh memberi kesan kepada perancangan program mobiliti staf dan jaringan global.

Setiap risiko ini dianalisis dari segi kebarangkalian dan tahap impak, seterusnya dipantau melalui laporan suku tahunan fakulti. Hasil analisis menunjukkan bahawa risiko-risiko berimpak sederhana dan tinggi memerlukan tindakan pencegahan segera.

Langkah mitigasi yang diambil termasuk:

- **Pengagihan tugas yang lebih sistematik** melalui penyelarasan akademik–pentadbiran bagi mengurangkan ketidakseimbangan keterlibatan staf.
- **Pelaksanaan promosi digital yang diperkukuh** menggunakan strategi kandungan kreatif dan sokongan alumni–industri untuk meningkatkan capaian khalayak.
- **Pemantauan pencapaian latihan staf** melalui HR2U dan LNPT, dengan intervensi khusus seperti bengkel tambahan dan mentoring.
- **Penjadualan sumber manusia berfokus** bagi program berskala besar, disokong oleh sukarelawan pelajar dan jaringan alumni.

Keseluruhannya, pendekatan ini membuktikan bahawa pengurusan risiko di UiTMasscomm bukan sahaja bersifat reaktif, tetapi juga proaktif melalui pencegahan dan penambahbaikan berterusan. Hal ini memastikan pengurusan sumber manusia kekal stabil, berdaya tahan, dan mampu menyokong pencapaian aspirasi UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_S01_SB04_SC02_20251_5.4.2 Laporan Pemantauan Jam Latihan Staf.pdf](#)
2. [F0029_S01_SB04_SC02_20252_5.4.2 Strategi Pengurusan Risiko.pdf](#)
3. [F0029_S01_SB04_SC02_20253_5.4.2 Strategi Promosi Digital.pdf](#)
4. [F0029_S01_SB04_SC02_20254_JAM LATIHAN.pdf](#)
5. [F0029_S01_SB04_SC02_20255_LNPT.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMasscomm melaksanakan mekanisme sistematik dalam mengkaji semula pengurusan sumber manusia melalui pengumpulan data, analisis berterusan, dan pelaksanaan penambahbaikan yang efisien serta efektif. Maklumat diperolehi daripada **Kajian Indeks Kegembiraan Staf (HI)**, laporan KPI suku tahunan, hasil post-mortem program, serta maklum balas staf melalui mesyuarat jabatan dan sesi dialog bersama pengurusan. Data ini dianalisis secara kolektif bagi mengenal pasti jurang, cabaran, serta peluang peningkatan.

Hasil analisis digunakan untuk merangka tindakan penambahbaikan yang terancang. Antara inisiatif utama ialah:

1. **Memperluas penyertaan staf** dalam inovasi, pertandingan, dan penerbitan kreatif bagi meningkatkan keterlihatan serta reputasi fakulti.
2. **Menjadualkan semula program** secara lebih strategik untuk mengelakkan pertindihan aktiviti, seterusnya mengurangkan beban kerja staf.
3. **Memperhalusi KPI** agar lebih tepat menilai keberkesanan inisiatif, sejajar dengan matlamat strategik universiti.
4. **Memperkemas promosi digital** untuk meningkatkan penjenamaan fakulti dan capaian khalayak sasaran.
5. **Meningkatkan kapasiti staf** melalui bengkel HRMIS & MyPortfolio, perkongsian amalan terbaik, serta mentoring berterusan.

Bagi memastikan **persekitaran kerja kondusif**, fakulti menekankan keseimbangan kerja-hidup melalui jadual kerja fleksibel untuk program tertentu, pengiktirafan pencapaian staf secara formal dan informal, serta sokongan kebajikan seperti program kesihatan dan kesejahteraan.

Pengurusan juga memberi perhatian kepada **maklum balas staf** dengan mengadakan sesi libat urus berkala. Aduan atau cadangan yang dikemukakan dipertimbangkan secara terbuka, dan tindakan susulan dilaporkan kembali kepada warga fakulti bagi memastikan ketelusan. Contohnya, isu beban kerja berlebihan ditangani melalui pengagihan tugas yang lebih seimbang, manakala keperluan pembangunan digital staf dijawab dengan penyediaan latihan tambahan.

Secara keseluruhan, tindakan mengkaji semula dan penambahbaikan ini memastikan setiap warga UiTMasscomm bekerja dalam ekosistem yang lebih kondusif, berdaya saing, serta terdorong untuk menyumbang ke arah kecemerlangan pelajar, alumni, komuniti, dan universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_S01_SB04_SC03_20251_5.4.3 Bengkel HRMIS & MyPortfolio.pdf](#)
2. [F0029_S01_SB04_SC03_20252_5.4.3 Laporan UHI 2023-2024.pdf](#)
3. [F0029_S01_SB04_SC03_20253_5.4.3 Strategi Promosi Digital.pdf](#)
4. [F0029_S01_SB04_SC03_20254_5.4.3 Surat Lantikan Mentoring.pdf](#)
5. [F0029_S01_SB04_SC03_20255_INNOVATION STUDENT.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTM Masscomm melaksanakan integrasi pembangunan sumber manusia melalui **pendekatan strategik** yang dipusatkan kepada Jawatankuasa Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK). Jawatankuasa ini bertindak sebagai wadah penyelarasan pelbagai program utama seperti **McMentor, McSafer, dan McCare**, yang digerakkan secara selari untuk memastikan keberkesanan, kecekapan, serta keberlanjutan dalam pelaksanaan. Proses integrasi ini menzahirkan budaya kerja kolaboratif, di mana staf, pelajar, dan alumni bergerak dalam satu hala tuju yang sama untuk menyokong aspirasi fakulti.

Prinsip **OS SYNERGY** dijadikan asas komunikasi dan budaya organisasi, membolehkan setiap warga memahami peranan strategik mereka dalam pembangunan fakulti. Tahap pembudayaan ini terlihat melalui kesepaduan antara program dalaman fakulti dengan agenda pembangunan universiti, khususnya dalam pemerkaasaan bakat, jaringan global, serta penjana ilmu. Pelantikan **Profesor Adjung** daripada industri media dan komunikasi memperkukuh integrasi antara dunia akademik dan dunia pekerjaan sebenar, manakala inisiatif **Summer Camp bersama Auckland University of Technology (AUT), New Zealand**, membuktikan keberkesanan integrasi yang melangkaui sempadan negara.

Amalan ini memperlihatkan bahawa penambahbaikan tidak hanya terbatas pada ruang dalaman UiTM, sebaliknya turut diterjemahkan dalam hubungan antarabangsa. Misalnya, penganjuran **Majlis Apresiasi FKPM** sebagai platform pengiktirafan staf dan alumni telah menarik penglibatan rakan industri luar, sekali gus memperkukuh hubungan fakulti dengan ekosistem profesional komunikasi di Malaysia dan luar negara. Keberkesanan strategi integrasi juga dapat diukur melalui peningkatan penglibatan staf dalam program rentas jabatan, kesinambungan program komuniti yang konsisten, serta capaian rangkaian alumni global yang semakin meluas.

Di peringkat luar UiTM, UiTM Masscomm telah menzahirkan amalan integrasi melalui pemeteraian memorandum persefahaman (**MoU**) dengan universiti antarabangsa, kolaborasi industri bagi projek bersama pelajar, serta penglibatan dalam persidangan akademik global. Kesemua usaha ini memperlihatkan tahap pembudayaan yang matang, di mana warga fakulti bukan sahaja terbiasa dengan budaya kerja berintegrasi tetapi turut menjadikan integrasi sebagai prinsip operasi harian.

Secara keseluruhan, integrasi strategik melalui JAKK, pembudayaan OS SYNERGY, serta jaringan industri dan antarabangsa telah membentuk ekosistem kerja yang kondusif, berprestasi tinggi dan berdaya saing global. Ia memastikan setiap tindakan penambahbaikan membawa impak yang nyata kepada pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) fakulti serta meningkatkan reputasi UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_S01_SB05_20251_5.5 Lantikan Profesor Adjung.pdf](#)
2. [F0029_S01_SB05_20252_5.5 Laporan Summer Camp AUT.pdf](#)
3. [F0029_S01_SB05_20253_5.5 Laporan PI 2024.pdf](#)
4. [F0029_S01_SB05_20254_5.5 Majlis Apresiasi FKPM.pdf](#)
5. [F0029_S01_SB05_20255_5.5 Dokumentasi Aktiviti McMentor, McSafer, McCare.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Eksekutif UiTMasscomm sentiasa mengutamakan proses dan prosedur operasi khususnya yang berkait rapat dengan bidang tumpuan JAKK yang menjurus kepada tercapainya Objektif Strategi (OS) SYNERGY dengan tema **SYNERGY@UiTMasscomm: Menyatukan Alumni, Memperkasa Komuniti, Menyemai Jiwa Sukarelawan.**

Tumpuan kepada operasi adalah amat penting kerana operasi pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan efisien memastikan keberkesanan program-program yang dijalankan.

Bagi memastikan bidang tumpuan JAKK yang berkesan, UiTMasscomm melalui Dekan dan sinergi bersama Timbalan Dekan Hal-Ehwal Akademik, Timbalan Dekan Hal-Ehwal Pelajar dan Timbalan Dekan Hal-Ehwal Penyelidikan Jaringan Industri dan Alumni membuat perancangan operasi bagi bidang tumpuan JAKK. Berdasarkan Manual Tadbir Urus Jaringan Industri Masyarakat dan Alumni Edisi 2018, UiTMasscomm mengetengahkan tumpuan operasi berpandukan OS SYNERGY yang berteraskan S (Strength), Y (Yield), N (Network), E (Excellence), R (Resourcefulness), G (Growth) dan Y (Yearning).

OS SYNERGY adalah seperti di bawah:

- i) Melahirkan graduan komunikasi profesional yang mampan dan berdaya saing menerusi latihan, kolaborasi dan sinergi hasil inisiatif bersama alumni.
- ii) Memberi kesedaran dan pemahaman perihal komunikasi dan tugas media kepada komuniti.
- iii) Membudayakan khidmat kesukarelawanan dalam kalangan warga UiTMasscomm

Perancangan

Bagi mencapai OS SYNERGY, UiTMasscomm merancang dan mengenal pasti 3 proses utama yang menyokong kepada pencapaian bidang tumpuan JAKK. Proses utama yang pertama ialah konsultasi dan kolaborasi dengan alumni, rakan industri dan komuniti. Proses ketiga melibatkan proses perkongsian ilmu dan kepakaran oleh pensyarah-pensyarah UiTMasscomm yang bertujuan memberikan pendedahan undang-undang kepada komuniti.

Pelaksanaan

Pemeriksaan dan keberkesanan proses operasi UiTMasscomm khususnya di dalam mencapai OS SYNERGY diperlihatkan melalui pelaksanaan model PDCA (Plan, Do, Check, Action). Pelaksanaan program bidang tumpuan JAKK dijalankan mengikut perancangan yang telah diperincikan mengikut proses operasi dan prosedur kerja yang dibuat secara sistematik.

Pemantauan

Dalam usaha menjayakan bidang tumpuan JAKK, UiTMasscomm sentiasa memantau inisiatif-inisiatif program di bawah bidang tumpuan JAKK. Pemantauan berkala dibuat melalui pelbagai medium seperti maklum balas pelanggan (alumni, pelajar, staf, komuniti dan industri). Pemantauan turut diperlihatkan di dalam Mesyuarat Eksekutif (MPE) dan Mesyuarat Tabung Pengurusan, laporan audit dalam dan audit InQKA serta pelaporan Penyelaras Strategi dan Transformasi Universiti (PSTU) mengenai pencapaian bidang tumpuan yang dibuat kepada Pengurusan Eksekutif secara berkala.

Tindakan Penambahbaikan

UiTMasscomm mengkaji semula dan memperbaiki proses operasi secara berkala dalam memacu kelestarian bidang tumpuan JAKK. Pengurusan Eksekutif turut mengambil akauntabiliti dengan langkah proaktif menjalankan penganalisan hasil tumpuan operasi sebelum dikongsikan kepada warga UiTMasscomm melalui mesyuarat dan taklimat.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bidang tumpuan JAKK yang berkesan dapat dinescaayakan oleh UiTMasscomm melalui Dekan, Prof Madya Dr. Abd. Rasid Abd. Rahman dan sinergi bersama TDHEA, TDHEP dan TDPJI membuat perancangan operasi bagi bidang tumpuan JAKK. Berdasarkan Manual Tadbir Urus Jaringan Industri Masyarakat dan Alumni Edisi 2018, UiTMasscomm mengetengahkan tumpuan operasi berpandukan OS SYNERGY yang berteraskan S (Strength), Y (Yield), N (Network), E (Excellence), R (Resourcefulness), G (Growth) dan Y (Yearning).

Lantaran, bagi menggapai kesemua OS SYNERGY, UiTMasscomm mengenal pasti tiga (3) proses utama yang menyokong pencapaian bidang tumpuan JAKK. Proses yang pertama ialah konsultasi dan kolaborasi dengan alumni, rakan industri dan komuniti. Proses ini melibatkan mesyuarat perancangan dan pelaksanaan bersama Pengurusan Eksekutif Fakulti, dimulai dengan pelantikan Penyelaras Program dan pembentukan jawatankuasa. Jawatankuasa program senantiasa melibatkan alumni, rakan industri dan komuniti yang bersesuaian dengan bidang tumpuan JAKK lantas menentukan mekanisme jalinan usaha. Seterusnya setiap permohonan pelaksanaan program yang memerlukan kelulusan pihak TNC ICAN, TNC Pelajar dan bendahari UiTM di hantar untuk tujuan semakan dan kelulusan pelaksanaan (Rujuk 6.2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti Bil 14/2024).

Bagi proses kolaborasi dengan rakan kongsi industri, UiTMasscomm menghantar permohonan dan draf memorandum kesefahaman (MoU) atau memorandum persetujuan (MOA) ke Pejabat Undang-Undang melalui sistem NILAMS untuk semakan dan kelulusan di pihak MEU/LPU. Proses ini diakhiri dengan proses tandatangan MoU dan MOA bersama pihak industri tersebut (Rujuk 6.2.2 Carta Alir Sistem, Networked Integrated Legal Affairs Management System NILAMs dan Rujuk 6.2.3 MOA Samsung 2024/2025).

Proses yang kedua ialah pelaksanaan program pelajar bersama alumni, komuniti dan industri. Program-program yang berbentuk akademik, kerjaya dan kesukarelawanan dirancang dengan teliti dengan pemerksaan kelab-kelab pelajar di bawah bimbingan TD HEP dan penasihat-penasihat kelab. Borang permohonan mengadakan aktiviti dengan perincian program dihantar ke TD HEP bagi semakan dan kelulusan. Seterusnya permohonan yang diluluskan dibawa ke Mesyuarat Kelulusan Tabung Pengurusan Surat kelulusan menjalankan program akan dikeluarkan untuk proses pelaksanaan program tersebut (Rujuk 6.2.4 Carta Alir Permohonan Aktiviti Pelajar dan Rujuk 6.2.5 Pekeliling Dekan FKPM Bil. 2 Tahun 2025 - Tatacara Penganjuran Program (Kelulusan-Kelulusan yang Diperlukan Dalam Penganjuran Program-Aktiviti Staf dan Pelajar) serta Rujuk 6.2.6 Minit Mesyuarat AGM RePUBlic).

Langkah terakhir melibatkan pelaporan aktiviti melalui penghasilan laporan penuh usai aktiviti yang mengumpul maklumat seperti jumlah komuniti atau industri terlibat, jumlah perpindahan ilmu, dan komponen Sustainable Development Goals (SDGs). Ini merupakan langkah inovasi daripada Pengurusan Eksekutif untuk memudahkan proses operasi. Setiap program yang dilaksanakan oleh kelab-kelab pelajar juga dilaporkan semasa Mesyuarat Tahunan Kelab bagi tujuan perkongsian pengetahuan kepada warga UiTMasscomm (Rujuk 6.2.6 Laporan COMMED Festival).

Proses yang ketiga melibatkan proses perkongsian ilmu dan kepakaran oleh pensyarah-pensyarah UiTMasscomm di bawah UiTMasscomm Bersama McSafer yang bertujuan memberikan pendedahan berkaitan fungsi komunikasi, tugas pengamal media dan kepentingannya kepada komuniti. Proses ini melibatkan jemputan daripada komuniti, media massa atau media cetak. Lazimnya, pensyarah membuat permohonan kepada Dekan untuk penglibatan komuniti tersebut. Ini adalah langkah inovasi bagi proses operasi yang berkaitan dengan bidang tumpuan JAKK (Rujuk 6.2.7 Senarai Perkongsian Kepakaran dan Komuniti: McSafer).

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_O01_OB02_20251_6.2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti Bil 14-2024.pdf](#)
2. [F0029_O01_OB02_20252_6.2.3 MOA Samsung 2024-2025.pdf](#)
3. [F0029_O01_OB02_20253_6.2.4 Carta Alir Permohonan Aktiviti Pelajar.pdf](#)
4. [F0029_O01_OB02_20254_6.2.5 & 6.2.6.pdf](#)
5. [F0029_O01_OB02_20255_6.2.7 Laporan COMMED Festival_compressed.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Proses operasi UiTMasscomm di bawah bidang tumpuan JAKK melaksanakan model PDCA (Plan, Do, Check, Action)

Proses Utama 1 – Kolaborasi dan Konsultasi

Contoh Kolaborasi: UiTMasscomm Seiring Alumni melalui program McMentor dan program McXpert.

Perancangan (Plan) – Perancangan untuk kolaborasi dijalankan di dalam Bengkel Perancangan Strategik 2024 yakni pihak fakulti akan mengenalpasti wakil dan alumni dan kebarangkalian kerjasama. Perancangan susulan turut dibuat sama ada di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif seterusnya mahupun dan Mesyuarat Dalam Jawatankuasa untuk menentukan jenis kolaborasi yang bersesuaian. (Rujuk 6.3.1 Minit Mesyuarat Alumni).

Pelaksanaan (Do) – Pengarah program membentuk jawatankuasa kecil yang melibatkan sinergi staf akademik dan pentadbiran, diikuti dengan penghantaran kertas kerja yang disemak oleh TDHEA, TDHEP dan TDPJI. Kertas kerja akan disemak secara menyeluruh di dalam Mesyuarat Tabung Pengurusan untuk kelulusan bajet. Usai lulus, seterusnya penyelarar dan AJK lantas melaksanakan program (Rujuk 6.3.2 Ceraian Kertas Kerja SULAM).

Pemantauan (Check) – Pemantauan melibatkan maklumbalas pelajar dan alumni sama ada secara lisan atau bertulis.

Penambahbaikan (Action) – MCXpert merupakan program berkala setiap tahun. Melalui maklumbalas yang diperolehi, program ini ditambahbaik terutama dari segi operasi seperti tempat penganjuran, industri dan alumni yang terlibat serta proses penganjuran.

Proses Utama 2 – Pelaksanaan Program Pelajar Bersama Alumni, Komuniti dan Industri

Contoh Program Pelajar: UiTMasscomm melalui inisiatif SULAM DokPanik 3.0 yang merupakan penganjuran program sukarelawan dan khidmat masyarakat yang memberi impak positif untuk memupuk individu sukarelawan dan sukarelawati dalam kalangan warga UiTMasscomm.

Perancangan (Plan) – Perancangan program berbentuk khidmat masyarakat ini melibatkan penyertaan komuniti dan industri (Rujuk 6.3.3 Surat Kolaborasi Menjayakan Program DokPanik 3.0) serta penugasan diberikan kepada kelab pelajar dengan bimbingan Penyelarar SULAM fakulti, Dr. Mohd Yusof dan kesemua pensyarah yang mengajar subjek COM540 Media Law and Regulations. Borang permohonan mengadakan aktiviti dengan perincian program di hantar ke TDHEP bagi sebelum mendapat kelulusan oleh Dekan.

Pelaksanaan (Do) – Pelaksanaan program ini menerima sokongan padu Kolej Vokasional Kajang. (Rujuk 6.3.4 Laporan Majlis Penutup DokPanik 3.0).

Pemantauan (Check) – Satu inisiatif bagi memafhumi intipati program dilaksana dengan mendapatkan maklum balas dari peserta bagi tujuan pemantauan.

Penambahbaikan (Action) – Seusai program, jawatankuasa mengadakan mesyuarat pasca-tindakan (*postmortem*) bagi menyelesaikan isu yang dihadapi semasa program.

Proses Utama 3 – Perkongsian Ilmu dan Kepakaran oleh Pensyarah UiTMasscomm

Contoh Perkongsian Ilmu dan Kepakaran: UiTMasscomm menerusi McSafer menerusi

pelaksanaan program-program penerangan mengenai tungsi komunikasi, tugas pengamal media dan kepentingannya kepada komuniti melalui pelbagai platform.

Perancangan (Plan) – UiTM Masscomm komited merancang program-program di Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik serta Mesyuarat Pengurusan Eksekutif.

Pelaksanaan (Do) – Perkongsian ilmu dan kepakaran dititik beratkan melalui pembangunan komuniti menerusi pelaksanaan program-program kesedaran menjelaskan fungsi komunikasi, tugas pengamal media dan kepentingannya kepada komuniti melalui seleksi media massa dan media sosial (Rujuk 6.3.5 Senarai Perkongsian Kepakaran dan Komuniti McSafer).

Pemantauan (Check) – Staf akademik dikehendaki mengadakan perkongsian ilmu kepada warga fakulti melalui bengkel Upskill dan Reskill secara bersemuka. Program ini Pemantauan dibuktikan dengan borang pengesahan kehadiran staf dan juga bahan bercetak pembentangan (Rujuk 6.3.6 Upskill & Reskill).

Penambahbaikan (Action) – Platform perluasan ilmu telah ditambah baik dengan perkongsian melalui emel yang dibuat ke seluruh UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_O01_OB03_20251_6.3.1 Minit Mesyuarat Alumni FKPM 2024-25 \(1\) 21 September 2024.pdf](#)
2. [F0029_O01_OB03_20252_6.3.2 Ceraian Kertas Kerja SULAM.pdf](#)
3. [F0029_O01_OB03_20253_6.3.3 & 6.3.4.pdf](#)
4. [F0029_O01_OB03_20254_6.2.5 Senarai Perkongsian Kepakaran dan Komuniti McSafer.pdf](#)
5. [F0029_O01_OB03_20255_6.3.6 Upskill & Reskill FKPM.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan operasi bidang tumpuan JAKK berada pada tahap optimum serta menjamin kelestarian pencapaian, FKPM memberi perhatian serius terhadap pelaksanaan inisiatif-inisiatif program yang dirangka. Pemantauan dilakukan secara berterusan dan holistik melalui pelbagai saluran maklum balas daripada pelanggan utama seperti alumni, pelajar, staf, komuniti dan pihak industri. Proses ini penting bagi memastikan keperluan serta aspirasi setiap pihak berkepentingan sentiasa dititikberatkan, sekaligus memperkukuh kedudukan FKPM sebagai sebuah fakulti yang progresif dan responsif terhadap perubahan persekitaran. **TUMPUAN 6.4.1 (1)**

Di samping itu, pemantauan dilaksanakan secara formal dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Mesyuarat Tabung Pengurusan, di mana pelaksanaan program-program bidang tumpuan JAKK dibentangkan, dianalisis serta diperhalusi. Melalui platform ini, sebarang isu berbangkit dapat ditangani segera, manakala cadangan penambahbaikan dapat dibincangkan bersama untuk memastikan keberkesanan intervensi. Kaedah ini melambangkan pendekatan operasi FKPM yang mampan kerana ia menekankan akauntabiliti, ketelusan serta keterlibatan menyeluruh dalam kalangan pengurusan dan pelaksana program. **TUMPUAN 6.4.1 (2)**

Selain itu, Laporan Audit Dalam dan Audit InQKA turut menjadi mekanisme pemantauan yang penting bagi memastikan operasi fakulti berlandaskan sistem pengurusan kualiti yang baik. audit dalam dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun, manakala Audit InQKA dijalankan sekali setiap dua tahun. Proses audit ini memberi tumpuan kepada operasi pentadbiran, perancangan strategik serta pengurusan kewangan fakulti. Pemantauan berstruktur sebegini bukan sahaja memastikan pematuhan terhadap standard pengurusan kualiti, tetapi juga menyumbang kepada keberlangsungan operasi FKPM yang lestari dan berkesan dalam jangka panjang . **BUKTI - TUMPUAN 6.4.1 (3)**

Hasil jangkaan daripada pelaksanaan objektif serta inisiatif strategik bidang tumpuan JAKK adalah selari dengan OS SYNERGY yang telah digariskan dalam Bengkel Perancangan Strategik FKPM. Sebagai contoh, pelaporan berkala PSTU mengenai pencapaian bidang tumpuan kepada pihak pengurusan eksekutif setiap bulan memastikan tindakan susulan atau intervensi dapat dilakukan dengan segera dan tepat. Hal ini amat penting terutama bagi program-program yang memerlukan pelaksanaan terperinci, kerana ia mengurangkan risiko kegagalan pelaksanaan serta meningkatkan kecekapan pengurusan sumber. **TUMPUAN 6.4.1 (4)**

Keseluruhan pendekatan pemantauan ini bukan sahaja menjamin operasi yang teratur dan mampan, tetapi turut mendukung aspirasi SYNERGY@FKPM: Menyatukan Alumni, Memperkasa Komuniti, Menyemai Jiwa Sukarelawan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_O01_OB04_OC01_20251_TUMPUAN 6.4.1 \(1\).pdf](#)
2. [F0029_O01_OB04_OC01_20252_TUMPUAN 6.4.1 \(2\).pdf](#)
3. [F0029_O01_OB04_OC01_20253_TUMPUAN 6.4.1 \(3\).pdf](#)
4. [F0029_O01_OB04_OC01_20254_TUMPUAN 6.4.1 \(4\).pdf](#)
5. [F0029_O01_OB04_OC01_20255_6.2.2 Carta Alir Sistem, Networked Integrated Legal Affairs Management System NILAMs.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengenalpastian dan pengurusan risiko yang efektif merupakan aspek penting dalam memastikan operasi di FKPM berada pada tahap optimum serta menjamin kelestarian pencapaian bidang tumpuan JAKK. Kesedaran bahawa setiap operasi membawa potensi risiko menjadikan proses pemantauan dan pengurusan risiko sebagai elemen teras dalam sistem pengurusan fakulti. Justeru, analisis sistematik terhadap maklum balas daripada pelaksana program di bawah kerangka OS SYNERGY dijalankan secara berterusan. Hasil analisis ini dibentangkan dalam siri mesyuarat dan pertemuan rasmi, bagi memastikan semua pihak memahami keadaan semasa serta tindakan penambahbaikan. Proses ini memberi ruang kepada pengurusan eksekutif FKPM memperkenalkan inisiatif baharu dan inovasi dalam pengurusan operasi JAKK agar lebih tersusun dan mampan.

Daripada analisis tersebut, beberapa risiko dikenal pasti, khususnya berkaitan pencapaian maklum balas pelanggan. Antara risiko ialah segelintir pelaksana program tidak melaporkan maklum balas lengkap, mewujudkan jurang maklumat, serta keciciran atau kebocoran maklumat maklum balas yang menjejaskan keberkesanan analisis dan tindakan susulan. Risiko ini signifikan kerana maklum balas merupakan indikator penting menilai kekuatan, kelemahan dan peluang penambahbaikan. Tanpa laporan lengkap dan sahih, keberkesanan pengurusan operasi terganggu. Oleh itu, pengurusan eksekutif melalui Timbalan Dekan merangka pelan pencegahan.

Pelan tersebut digubal dengan mengambil kira input daripada pelajar (melalui kelab dalaman), staf akademik dan pentadbiran, mencerminkan prinsip inklusif. Langkah komunikasi dilaksanakan melalui panggilan telefon, WhatsApp, dan Google Meet. FKPM turut memperkukuh keterlibatan pelajar melalui SMF sebagai saluran rasmi menyampaikan maklum balas, termasuk telegram "Mascomm Voice" untuk pandangan segera dan telus. Maklum balas ini direkodkan, ditapis, dan dibawa ke pentadbiran untuk analisis bersama laporan lain.

Penyelaras Risiko FKPM turut mendaftarkan risiko operasi melibatkan pelajar, pensyarah dan fasiliti dalam sistem pengurusan risiko fakulti. Risiko dikategorikan rendah hingga ekstrem, namun tiada risiko yang memberi kesan langsung kepada pengoperasian JAKK, membuktikan keberkesanan kawalan sedia ada.

Pendekatan ini selari dengan Piagam Khidmat Pelanggan FKPM yang menekankan kepantasan, ketelusan, keberkesanan dan profesionalisme. Integrasi saluran maklum balas membuktikan komitmen FKPM untuk menangani isu secara sistematik. Strategi ini juga mendukung aspirasi SYNERGY@FKPM dengan melibatkan alumni, komuniti dan mahasiswa, mewujudkan ekosistem pengurusan risiko yang bersepadu, lestari dan berdaya tahan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_O01_OB04_OC02_20251_TUMPUAN 6.4.2 \(1\).pdf](#)
2. [F0029_O01_OB04_OC02_20252_TUMPUAN 6.4.2 \(2\).pdf](#)
3. [F0029_O01_OB04_OC02_20253_TUMPUAN 6.4.2 \(3\).pdf](#)
4. [F0029_O01_OB04_OC02_20254_TUMPUAN 6.4.2. \(4\).pdf](#)
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FKPM sentiasa menekankan komitmen berterusan dalam mengkaji semula serta menambah baik proses operasi bagi memastikan kelestarian pencapaian bidang tumpuan JAKK. Proses analisis yang dilaksanakan mengenal pasti beberapa risiko, khususnya berkaitan pengurusan maklum balas daripada pelaksana program. Justeru, langkah pencegahan serta penambahbaikan dirangka bagi mengelakkan risiko sama berulang pada masa akan datang. Hasil analisis turut dikongsikan kepada warga FKPM melalui mesyuarat, taklimat dan sesi libat urus bagi memastikan semua pihak memahami tindakan pembetulan. **BUKTI – TUMPUAN**

6.4.3 (2)

Semakan mendapati terdapat sebilangan kecil pelaksana program yang tidak menyerahkan laporan maklum balas lengkap kepada pengurusan eksekutif, sekali gus menjejaskan kualiti pemantauan serta tindakan susulan. Bagi mengatasi isu ini, TD HEP menganjurkan mesyuarat berkala bersama pimpinan kelab dan organisasi dalaman pelajar dua kali setiap semester, iaitu minggu pertama dan minggu terakhir. Melalui mesyuarat ini, pimpinan kelab diberi pendedahan awal mengenai tatacara pengurusan program termasuk garis panduan penyediaan laporan yang sistematik dan lengkap. **BUKTI – TUMPUAN 6.4.3 (1)**

Selain itu, taklimat bersama penasihat kelab pelajar turut diadakan bagi menekankan kepentingan pelaporan serta tanggungjawab membimbing pelajar menyiapkan laporan menepati standard. Langkah ini menjadi mekanisme pemantauan dalaman yang berkesan, menggalakkan budaya pelaporan telus dan membolehkan fakulti menilai kekuatan serta kelemahan pelaksanaan program dengan menyeluruh. Hasilnya, cadangan penambahbaikan dapat dilaksanakan lebih awal, memastikan setiap program selaras dengan Piagam Khidmat Pelanggan FKPM yang menekankan keberkesanan, ketelusan dan kualiti.

Bagi menangani isu keciciran maklumat maklum balas, FKPM melantik Penyelaras Hal Ehwal Pelajar (HEP) dari pihak pentadbiran fakulti untuk memastikan integriti proses pelaporan. Penyelaras ini bertanggungjawab memperkemas aliran maklumat serta memastikan laporan program diterima, direkod dan disimpan dengan teratur. Pelajar dikehendaki menghantar dokumen pelaporan melalui aplikasi WhatsApp sebaik sahaja program selesai, sebelum penyelaras memuat naiknya ke sistem pengurusan data fakulti dan seterusnya membantu penggunaan sistem MyHEP. Kaedah ini memastikan maklumat tersusun, mudah dicapai, serta mengurangkan risiko kelewatan pelaporan. **BUKTI – TUMPUAN 6.4.3 (3)**

Melalui pendekatan ini, keberkesanan proses pelaporan dapat ditingkatkan, amalan tadbir urus lebih telus serta berakauntabiliti diperkukuh. Usaha ini selari dengan Piagam Khidmat Pelanggan FKPM yang menekankan ketepatan dan kecekapan penyampaian maklumat, di samping menjamin semua data direkod selamat serta menyumbang kepada penambahbaikan berterusan dalam bidang tumpuan JAKK.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_O01_OB04_OC03_20251_TUMPUAN 6.4.3 \(1\).pdf](#)
2. [F0029_O01_OB04_OC03_20252_TUMPUAN 6.4.3 \(2\).pdf](#)
3. [F0029_O01_OB04_OC03_20253_TUMPUAN 6.4.3 \(3\).pdf](#)
4. [F0029_O01_OB04_OC03_20254_6.3.4 Borang Maklum Balas Pelanggan.pdf](#)
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berpandukan tema “*SYNERGY@FKPM: Menyatukan Alumni, Memperkasa Komuniti, Menyemai Jiwa Sukarelawan*”, FKPM komited melaksanakan penambahbaikan operasi yang berterusan dan berinovasi bagi memastikan kelestarian bidang tumpuan JAKK. Antara penambahbaikan utama adalah memperkukuh pengendalian operasi melalui dasar terancang dan strategi penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan Pengurusan Eksekutif FKPM. Sokongan alumni turut memainkan peranan penting dalam penjana pendapatan fakulti, sekali gus membuktikan keberkesanan integrasi operasi dengan pihak berkepentingan. Penglibatan aktif alumni diiktiraf melalui Anugerah Geran Alumni 7K: Program Berimpak 2024 dan Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul 2024, dimenangi menerusi *Communication and Media Festival (COMMED)*. **BUKTI – TUMPUAN 6.5 (1)**

Sinergi ini diteruskan melalui inisiatif inovatif seperti perluasan jaringan industri, aktiviti mobiliti akademik, dan peningkatan keterlihatan staf serta pelajar di peringkat antarabangsa, sejajar dengan tema *Globally Marketable UiTM 2023*. **BUKTI – TUMPUAN 6.5 (2)**

Kesinambungan ini menjadikan FKPM bukan sahaja sebagai medan pembelajaran dan penyelidikan, tetapi ekosistem akademik progresif serta mampan. Keberkesanan operasi FKPM turut dibuktikan melalui penglibatan aktif staf akademik dalam komuniti, penulisan, penerbitan, dan penyelidikan. Dari aspek komuniti, staf melaksanakan program pemindahan ilmu dan khidmat masyarakat, manakala dalam penulisan, karya mereka diterbitkan di saluran berprestij, sekali gus menyumbang kepada pengiktirafan global. **BUKTI – TUMPUAN 6.5 (3)**

Tambahan pula, keterlibatan dalam penyelidikan berimpak tinggi melalui geran tempatan dan antarabangsa membuktikan keupayaan FKPM menjana pengetahuan baharu relevan dengan keperluan industri. Kerjasama antarabangsa turut menjadi tonggak melalui jalinan bersama fakulti komunikasi luar negara, antaranya dengan Fakultas Ilmu Komunikasi, Universitas Soetomo, Indonesia. Inisiatif ini melibatkan seminar, persidangan, mobiliti akademik serta penerbitan bersama, sekali gus meningkatkan reputasi FKPM di Asia Tenggara dan menyokong agenda kebolehpasaran graduan. **BUKTI – TUMPUAN 6.5 (4)**

Selain itu, ketampakan FKPM diperkukuh melalui sebaran maklumat di media sosial rasmi dengan kerjasama kelab pelajar seperti SMF, Kelab Kewartawanan dan Kelab Penyiaran. Kandungan kreatif seperti infografik, video dan dokumentari mini memperluas capaian serta melatih pelajar menguasai kemahiran komunikasi digital sejajar keperluan industri. **BUKTI – TUMPUAN 6.5 (5)**

Pendekatan ini membuktikan FKPM mengamalkan strategi pengurusan bersepadu, progresif dan berpaksikan kerjasama global, selaras dengan aspirasi universiti melahirkan graduan berdaya saing antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_O01_OB05_20251_TUMPUAN 6.5 \(1\).pdf](#)
2. [F0029_O01_OB05_20252_TUMPUAN 6.5 \(2\).pdf](#)
3. [F0029_O01_OB05_20253_TUMPUAN 6.5 \(3\).pdf](#)
4. [F0029_O01_OB05_20254_TUMPUAN 6.5 \(4\).pdf](#)
5. [F0029_O01_OB05_20255_TUMPUAN 6.5 \(5\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN: UITMASSCOMM MENERAJUI TRANSFORMASI 2024

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2024 menjadi detik penting bagi UiTMasscomm apabila kepemimpinan fakulti diterajui penuh semangat pembaharuan oleh Dekan. Melalui pendekatan **Kepimpinan Melalui Teladan**, fakulti bukan sahaja mengekalkan momentum kecemerlangan, malah menampilkan model kepemimpinan yang inklusif, strategik dan berpandangan jauh, selari dengan aspirasi universiti.

Fakulti telah memfokuskan kepada bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JAKK)** dengan pengukuhan melalui tiga inisiatif utama – **McMentor, McSafer dan McCare** – di bawah kerangka **SYNERGY**. Kejayaan ini boleh dianalisis melalui empat dimensi **LeTCI**:

1. **Level**: Fakulti berjaya melonjakkan tahap penglibatan alumni, komuniti dan pelajar melalui jaringan sistematik. **McMentor** menghubungkan alumni dengan mahasiswa, **McSafer** menekankan kesedaran keselamatan komuniti, manakala **McCare** menjadi payung kepada pelbagai usaha sukarela dan kebajikan. Tahap penglibatan ini jelas menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.
2. **Trend**: Kecenderungan global pendidikan tinggi kini menekankan kolaborasi berimpak sosial. UiTMasscomm berjaya menterjemahkan trend ini dalam bentuk program yang dekat dengan masyarakat, membina imej fakulti yang progresif dan seiring dengan keperluan industri komunikasi serta media semasa.
3. **Comparison**: Jika dibandingkan dengan universiti terkemuka antarabangsa, pendekatan UiTMasscomm setanding dengan inisiatif di University of Southern California (Annenberg School) dan Nanyang Technological University (Wee Kim Wee School), yang turut menekankan jaringan alumni, keselamatan komuniti, serta impak sosial. Perbandingan ini meneguhkan kedudukan UiTMasscomm sebagai fakulti yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.
4. **Importance**: Kepentingan inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh reputasi fakulti, tetapi juga memperlihatkan peranan kepemimpinan melalui teladan – apabila pengurusan atasan, pensyarah, pelajar dan alumni sama-sama menyumbang dalam usaha kolektif. Ia menjadikan UiTMasscomm sebagai fakulti yang memimpin dengan tindakan nyata, bukan sekadar retorik.

Secara keseluruhan, tahun 2024 membuktikan bahawa transformasi fakulti melalui kepemimpinan Dekan telah membuahkan hasil yang mampan. Kejayaan McMentor, McSafer dan McCare bukan sekadar program, tetapi cerminan kepada falsafah *Ringan Sama Dijinjing, Berat Sama Dipikul* yang diangkat sebagai asas SYNERGY. UiTMasscomm kini berdiri sebagai teladan kepemimpinan yang memberi inspirasi, mengukuhkan reputasi fakulti di peringkat universiti, negara dan antarabangsa. **Dengan pencapaian ini, UiTMasscomm berpotensi besar muncul sebagai penanda aras utama dalam pendidikan komunikasi dan media di rantau Asia.**

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0029_HB02_20251_HASIL 1 - 7.1.2 .pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0029_HB03_20252_HASIL 1 - 7.1.3 .pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0029_HB04_20253_HASIL 1 - 7.1.4 .pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0029_HB05_20254_HASIL 1 - 7.1.5 .pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

OS SYNERGY (Operating System SYNERGY) - Operasi yang Berstruktur

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMasscomm telah membuktikan keupayaan operasi yang mantap melalui prinsip **Walk the SYNERGY** berasaskan **OS SYNERGY (Operating System SYNERGY)**, iaitu sistem operasi fakulti yang menggabungkan model PDCA (Plan, Do, Check, Action) secara menyeluruh. Melalui OS SYNERGY, setiap strategi yang digariskan bukan hanya retorik tetapi diterjemah kepada operasi yang cekap, sistematik dan berimpak tinggi, khususnya di bawah Bidang Tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK).

Level (Tahap Pencapaian): OS SYNERGY memastikan semua Petunjuk Prestasi (PI) dicapai dengan menginstitusikan prosedur operasi yang jelas – bermula daripada konsultasi dengan alumni, industri dan komuniti, diikuti kelulusan peringkat universiti, seterusnya pelaksanaan program yang dipantau rapi melalui mesyuarat eksekutif dan laporan berkala. Hasilnya, semua PI mencapai 100% atau melebihi sasaran, contohnya pendaftaran MyAlumni (sasaran 1,559, pencapaian 2,246) dan program khidmat masyarakat (sasaran 7, pencapaian 9).

Trend (Perkembangan): Dengan OS SYNERGY, fakulti berjaya mengurus pertambahan program berimpak tinggi setiap tahun. Jika 2023 masih di peringkat transisi, 2024 menyaksikan pelaksanaan lebih tersusun dengan penglibatan pelbagai pihak. Contohnya, McMentor menghasilkan CEO Talk, Ministerial Talk dan COMMED Festival; McSafer menggerakkan SULAM, AdTED, Borak Lempeng; manakala McCare menjayakan Iftar YKAM dan Hands for Hope. Kejayaan ini membuktikan operasi yang konsisten menghasilkan peningkatan trend keberhasilan.

Comparison (Perbandingan): OS SYNERGY di UiTMasscomm boleh dibandingkan dengan sistem operasi Nanyang Technological University (NTU), Singapura yang menekankan integrasi akademik, alumni dan komuniti dalam pengurusan program. Seperti NTU, UiTMasscomm memastikan setiap program berlandaskan proses formal – daripada kelulusan NILAMS, MoU/MoA industri, sehingga laporan selepas aktiviti. Dalam UiTM sendiri, UiTMasscomm muncul peneraju fakulti yang paling menyerlah dalam mengurus program JAKK dengan sokongan industri (Samsung Galaxy Lab, BERNAMA Newsroom) dan alumni (RM17,000 sumbangan).

Importance (Kepentingan): OS SYNERGY bukan sekadar memastikan kejayaan program, tetapi membina budaya kerja berasaskan sistem dan data. Impaknya melahirkan graduan lebih bersedia menghadapi dunia sebenar, membina kepercayaan alumni untuk terus menyumbang, memperkukuh jaringan industri, serta memposisikan UiTM selari dengan Misi & Visi universiti, iDART, SDG dan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi.

Kesimpulan: Walk the SYNERGY melalui **OS SYNERGY** membuktikan kekuatan UiTMasscomm terletak pada operasi yang berstruktur – bermula dengan perancangan rapi, pelaksanaan berintegriti, pemantauan berterusan dan penambahbaikan berasaskan data. Dengan sistem operasi ini, McMentor, McSafer dan McCare bukan sahaja menjadi program berjaya, tetapi juga simbol keberkesanan operasi fakulti yang memacu UiTMasscomm ke tahap lebih tinggi.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0029_HB02_20251_HASIL 2 - 7.2.2 .pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0029_HB03_20252_HASIL 2 - 7.2.3 .pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0029_HB04_20253_HASIL 2 - 7.2.4 .pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0029_HB05_20254_HASIL 2 - 7.2.5 .pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

SYNERGY@UiTMasscomm 2024: "Menuai Hasil, Membina Legasi"

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik (PS) bagi Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (UiTMasscomm) yang teliti, disokong dengan pelaksanaan yang cekap, telah membuahkan hasil ranum bagi fakulti dalam mencapai sasaran bagi tahun 2024. Hasil PS ini berpandukan **OS SYNERGY**, dengan fokus kepada enam elemen iaitu **Strength, Yield, Network, Excellence, Resourcefulness, Growth, dan Yearning**. Pencapaian ini selari dengan tema **SYNERGY@UiTMasscomm: Menyatukan Alumni, Memperkasa Komuniti, Menyemai Jiwa Sukarelawan** yang meletakkan UiTMasscomm pada landasan yang tepat dalam membina kecemerlangan fakulti dalam bidang tumpuan pilihan, **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JAKK)**.

TAHAP

Hasil PS jelas terserlah melalui pencapaian **Indikator Prestasi (PI) yang melebihi sasaran**. Graduation on Time (GOT) mencapai 91.6%, alumni menjadi usahawan meningkat kepada 155 orang, kolaborasi strategik baharu dan MOU/MOA antarabangsa masing-masing mencapai 2 dan 5, manakala penyertaan pelajar dalam aktiviti sukarelawan melalui McCare meningkat dua kali ganda kepada 400 orang, dan program komuniti McSafer dilaksanakan sebanyak 18 kali berbanding sasaran 10. Semua ini dicapai melalui tiga program utama:

McMentor – Projek-projek Jaringan Alumni seperti yang memanfaatkan kepakaran alumni untuk pembelajaran akademik, kerjaya, dan pembangunan sahsiah mahasiswa.

McSafer – Projek-projek komuniti melibatkan interaksi langsung dengan sekolah, prauniversiti, dan masyarakat setempat.

McCare – Projek-projek sukarelawan membudayakan nilai keprihatinan sosial dan tanggungjawab mahasiswa.

TREN

Tren pencapaian 2024 menunjukkan **perkembangan positif** dan selaras dengan PS fakulti. Alumni usahawan meningkat daripada 93 orang ke 155 orang, program USR melonjak daripada 24% ke 128.57%, penyertaan pelajar sebagai sukarelawan meningkat daripada 200 ke 400 orang, dan pemeteraian MOU/MOA antarabangsa meningkat daripada tiga ke lima. Aktiviti komuniti McSafer melebihi sasaran sebanyak 18 inisiatif berbanding sepuluh. Kesemua data ini menunjukkan PS berjaya diterjemahkan kepada tindakan yang mampan, konsisten, dan berimpak tinggi.

PERBANDINGAN/TANDA ARAS

Kegiatan dalam JAKK oleh **UiTMasscomm menonjol** kerana PS yang memberi fokus kepada pemindahan ilmu, kepakaran industri, dan kolaborasi antarabangsa melalui inisiatif seperti CEO Talk, dan COMMED Festival. Berbanding UiTMasscomm, Ohio University menekankan komuniti dan kerjaya, manakala Boston University menumpukan aktiviti sosial dan profesional.

UiTMasscomm berada pada landasan yang betul merujuk kepada amalan terbaik universiti antarabangsa sebagai penanda aras agar setiap inisiatif yang dilaksanakan

selaras dengan amalan terbaik universiti terkemuka bertaraf antarabangsa, dan bukan dibuat secara sewenang-wenangnya tanpa panduan piawaian kualiti.

KEPENTINGAN

Keberhasilan perancangan strategik dalam bidang tumpuan, **JAKK memberi impak besar kepada UiTM Masscomm, UiTM, dan negara. Fakulti** berupaya meningkatkan reputasi, memperkukuh jaringan alumni, dan melahirkan graduan holistik dengan sahsiah mulia, kemahiran insaniah, dan semangat keusahawanan. Pencapaian ini menyokong objektif strategik **UiTM** dan memperkukuh jaringan alumni dan industri, serta menyumbang kepada KPI universiti. Di peringkat **negara**, hasil ini menyumbang kepada pembangunan modal insan berdaya saing, pengukuhan jaringan antarabangsa, dan membina komuniti sejahtera melalui aplikasi kepakaran komunikasi dalam masyarakat.

Secara keseluruhan, hasil PS 2024 membuktikan bahawa pelaksanaan tiga program utama McMentor, McSafer, dan McCare mampu memimpin UiTM melakar kecemerlangan pada 2025. Bidang tumpuan JAKK menjadi pemangkin utama dalam menyatukan alumni, memperkukuh penglibatan komuniti, dan membudayakan jiwa sukarelawan di kalangan warga UiTM Masscomm, memastikan kesinambungan impak PS untuk tahun-tahun mendatang.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0029_HB02_20251_Hasil 3 - 7.3.2 -.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0029_HB03_20252_Hasil 3 -. 7.3.3. pdf.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0029_HB04_20253_Hasil 3 - 7.3.4 .pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0029_HB05_20254_Hasil 3 - 7.3.5 .pdf](#)